

Jilid I
Bil. 64



Hari Khamis
21hb Jun, 1979

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6917]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) [Ruangan 6954]

Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian
(Pindaan) [Ruangan 6976]

UCAPAN PENANGGUHAN [Ruangan 7014]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N.,
S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian,
DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P.
(Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN
CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

.. Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

.. Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH,
S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

.. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI
ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).

.. Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL
GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

.. Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

.. Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MICHAEL CHEN WING
SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

.. Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

.. Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K.,
S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).

.. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS,
J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

.. Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

.. Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N.
(Jerantut).

.. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J.,
D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- .. TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- .. TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- .. DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- .. TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- .. TUAN P. PATTO (Menglembu).
- .. TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- .. DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- .. PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- .. TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- .. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- .. DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- .. TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- .. TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- .. DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- .. TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- .. PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- .. TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 21hb Jun, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

SUB-WAYS DAN OVERHEAD BRIDGES
DI LEBUHRAYA

1. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada road engineers JKR ada membuat beberapa perubahan sistem jalan supaya tiap-tiap simpangan jalan dibuat subways atau overhead bridges di masa akan datang supaya kereta-kereta tidak payah berhenti untuk selekoh dan sekiranya perbelanjaannya terlalu besar, tol adalah satu-satunya jalan untuk dikenakan kepada kenderaan yang lalu di situ dan sistem British yang dibuat sekarang sudah ketinggalan zaman di mana sangat mudah berlaku traffic jam hatta di London sekali pun. Jika tidak, mengapa?

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan sememangnya ada rancangan untuk membina subways dan overhead bridges di jalanraya-jalanraya yang difikirkan perlu untuk kemudahan pengguna-pengguna jalanraya. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga beberapa buah "overhead bridges" akan dibina di persimpangan-persimpangan di Lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban dan Lebuhraya Kuala Lumpur—Petaling Jaya.

JABATAN SUKAN

2. **Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan adakah Kementerian ini bercadang hendak menubuhkan satu Jabatan Sukan untuk mendidik ahli-ahli sukan, supaya sesuai dengan matlamat SUKAN UNTUK NEGARA?

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini belum bercadang untuk menubuhkan Jabatan Sukan, tetapi memang ada melatih ahli-ahli sukan dengan kerjasama badan-badan sukan.

KAD PENGENALAN

3. **Wan Zainab binti M. A. Bakar** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa untuk membuat kad-kad pengenalan yang baru dan juga mengganti yang telah hilang memakan masa lebih daripada 6 bulan dan kadang-kadang lebih daripada sembilan bulan dan jika ya, apakah tindakan yang telah diambil mengenai perkara ini?

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, permohonan-permohonan untuk kad-kad pengenalan bagi kanak-kanak yang meningkat umur 12 tahun dapat disempurnakan dalam masa 2 bulan dan kad-kad gantian adalah mengambil masa 9 bulan. Masa yang lama diambil ke atas permohonan-permohonan kad pengenalan gantian ini adalah kerana butir-butir dalam permohonan-permohonan termasuk gambar dan cap jari perlu disemak secara perincian dan teliti dengan merujuk semula kepada permohonan-permohonan yang asal dan juga kandungan rekod-rekod yang lain khasnya untuk menentukan taraf kerakyatan pemohon-pemohon itu.

Selain daripada itu banyak permohonan untuk kad gantian diterima semenjak pindaan kepada Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara yang dikuatkuasakan pada 29-4-76 dan ini akan mengambil masa untuk memproses permohonan-permohonan tersebut. Pihak Kerajaan sedang mengkaji dari semasa ke semasa cara-cara bagi mengurangkan masa memproses kad-kad gantian ini. Kajian juga sedang dibuat tentang penggunaan alat komputer bagi menyimpan rekod-rekod kad pengenalan dan juga pengeluarannya yang mana sedang giat dijalankan sekarang.

Tuan Lee Kaw: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar beberapa orang pemohon paspot antarabangsa tidak dapat oleh sebab kad pengenalan gantian sangat lambat digantikan dan bolehkah Timbalan Menteri mengarahkan Pejabat Imigresen oleh sebab kad pengenalan gantian ini lambat dari Pejabat Pendaftaran, paspot antarabangsa boleh diluluskan.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Itu akan diambil perhatian.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Jabatan Pendaftaran Negara pun mengambil masa yang agak lama untuk membantu mangsa-mangsa kebakaran mendapatkan gantian kad pengenalan mereka akibat satu kebakaran dan jika beliau sedar, sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat meminta ataupun mengarahkan Jabatan Pendaftaran Negara untuk menyegerakan kes-kes mangsa-mangsa kebakaran yang ingin mendapat gantian untuk kad pengenalan mereka?

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, kad-kad gantian ini adalah diproses seperti biasa juga. Walau bagaimanapun, pendapat Yang Berhormat itu akan diambil perhatian.

JANTUNG BERLUBANG

4. **Tuan P. Patto** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar terdapat tambahan dalam bilangan kes-kes lubang dalam jantung yang pergi ke luar negeri untuk mendapatkan rawatan kerana ketidakupayaan

Kerajaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan untuk merawat kes-kes seumpama ini dan jika sedar sama ada Kerajaan akan menimbangkan untuk menubuhkan satu Yunit Khas yang dikelolakan oleh pakar-pakar jika perlu dari luar negeri untuk merawat kes-kes lubang dalam jantung di sini dengan tujuan mengurangkan kesusahan yang dialami oleh pesakit-pesakit yang terpaksa menunggu untuk rakyat yang bermurah hati untuk memberikan mereka bantuan kewangan untuk membolehkan mereka pergi ke luar negeri untuk mendapat rawatan dan di samping itu juga dapat menjimatkan beribu-ribu ringgit wang dari dialih ke luar negeri.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang lebih kurang serupa telah saya beri dalam Dewan ini pada 14-6-1979 semasa menjawab soalan mengenai jantung berlubang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kemaman.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri pada hari yang disebutkan tadi dan daripada jawapan yang diberi, ingin saya mendapat tahu sama ada Kerajaan bercadang untuk menghantar doktor-doktor dari Malaysia ke negeri luar supaya mendapat kemahiran di dalam bidang mengubati penyakit lubang dalam jantung supaya mereka boleh kembali dan memulakan satu special unit di hospital kita sendiri?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Yang Berhormat sedia maklum negara kita mempunyai pakar-pakar dalam bidang cardiology ataupun penyakit jantung sekarang, sebab itulah sekarang kita dapat mengesan beberapa kes penyakit jantung khususnya jantung berlubang. Adalah menjadi cadangan ataupun rancangan Kementerian ini menubuhkan satu Cardio Thoracic Centre yang mana mestilah dikaji dengan secara mendalam dan teliti oleh kerana rawatan ini merupakan satu rawatan yang benar-benar specialised dan sophisticated dalam rancangan kita, kita bukan hanya mengadakan kemudahan-kemudahan bahkan juga kita bercadang hendak menghantar beberapa orang doktor tempatan berlatih di seberang laut untuk mendapat pengalaman dan kebolehan dalam rawatan ini.

Dr Chen Man Hin: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu berapa orang pesakit (patient) yang ada jantung berlubang atau sakit jantung yang sedang menunggu untuk dapat rawatan pembedahan sehingga sekarang? Berapa kes yang sedang menunggu sehingga sekarang?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar bagi Kementerian ini dapat tahu ataupun memastikan berapa orang pesakit jantung yang sedang menunggu untuk dirawat kerana ada di kalangan mereka pergi ke private practitioner, private doctor mungkin ada juga kepada Yang Berhormat sendiri. Jika sekiranya mereka merujuk pesakit-pesakit ini kepada Kementerian ataupun klinik dan hospital Kerajaan mungkin dapat kita memberikan angka-angka oleh kerana, rujukan itu bukan sahaja terhad kepada klinik-klinik Kerajaan bahkan juga kepada klinik-klinik perubatan private jadi kita tidak ada mempunyai data-data untuk menentukan berapa orang yang sedang menunggu sekarang.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa Kerajaan sedang mengkaji untuk menubuhkan satu centre. Bolehkah saya dapat tahu sama ada kajian itu sudah tamat dan sekiranya sudah, bilakah centre atau pusat ini akan ditubuhkan dan dapat ia memberi rawatan perubatan kepada kes-kes ini atau orang-orang sakit?

Kedua, daripada jawapan yang diberi tempoh hari tentang kes ini juga, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa Kerajaan tidak ada menubuhkan satu tabung untuk membantu kes-kes macam ini. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada Kerajaan sekarang bercadang untuk menubuhkan satu tabung, oleh kerana Kerajaan sendiri berkata tidak mahu mengadakan satu specialist unit tetapi hanya menubuhkan centre, dengan satu launching grant sebanyak \$1 juta dan juga mendapatkan kutipan daripada orang ramai untuk centre ini dan juga sebelum centre ini disediakan pesakit-pesakit dapat rawatan di luar negeri bantuan daripada tabung ini.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jawapan ini telah saya beri

dalam jawapan saya pada 14hb di mana saya telah menyatakan bahawa setakat ini tidak ada cadangan bagi pihak kita mengadakan satu tabung khas untuk membiayai rawatan seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat.

Mengenai bilakah pusat ini akan ditubuhkan, sepertimana saya sebutkan tadi Cardiac Surgery merupakan satu highly specialised dan sophisticated speciality dan ianya menghendaki atau penelitian yang betul-betul mendalam dan saya yakin bahawa rancangan ini yang sedang aktif dikaji oleh pihak Kementerian, kita harap akan dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

JAWATANKUASA SEWA RUMAH

5. Tuan Lee Kaw minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Jawatankuasa yang ditubuhkan diketuai oleh Y.B. Ling Liong Sik untuk mengkaji sewa rumah telah menyiapkan laporannya, jika ya, nyatakan perakuan-perakuan yang dibuat dalam laporan tersebut. Jika tidak, nyatakan bilakah laporan tersebut dijangka akan siap?

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah sama dengan soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka di Dewan yang mulia ini pada 14.6.1979 yang mana saya telah memberi jawapannya. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Adakah laporan ini dirujuk kepada Kabinet dan jikalau ada apakah tindakan yang telah diambil?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Saya sudah jawab pada 14-6-1979 yang lalu.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, adakah beliau sedar gantirugi untuk penyewa-penyewa rumah atau bilik sangat kurang kalau dibandingkan dengan masa dahulu. Apabila Rent Control Ordinance telah diluluskan di Dewan ini beberapa tahun dahulu, saya ingat lebih kurang dekat 10 tahun semasa

itu inflasi tidak hebat dan tidak susah, sebab itu gantirugi masa itu tidak sesuai untuk masa sekarang. Adakah Kerajaan berniat untuk beri gantirugi yang sesuai atau realistik pada masa sekarang kepada penyewa bilik atau penyewa rumah yang di bawah Rent Control Ordinance?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini sudah terkeluar daripada soalan asal. Berkenaan dengan kajian itu sekarang ini sedang dalam pertimbangan. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan saya.

PEGAWAI-PEGAWAI RASUAH

6. Tuan P. Patto (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan selama ini berapakah pegawai-pegawai kanan Kerajaan telah disiasat dan diambil tindakan kerana terlibat dalam kes-kes menerima rasuah dan membuka akaun di Hongkong dan Singapura.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada lagi pegawai-pegawai Kerajaan yang telah disiasat dan diambil tindakan oleh BSN kerana terlibat dalam kes-kes menerima rasuah dan membuka akaun di Hongkong dan Singapura.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan adakah setakat ini pihak Kerajaan sama ada melalui BSN ataupun sebagainya bercadang untuk mengambil tindakan menyasat pegawai-pegawai Kerajaan yang menentang dasar Kerajaan dan yang menyalahgunakan kuasa-kuasa yang diberikan kepada mereka?

Tuan Yang di-Pertua: Ini terkeluar daripada soalan asal.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan adakah benar atau tidak pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang telah diambil tindakan oleh BSN yang mana mereka tidak ada mempunyai akaun di Hongkong dan Singapura?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang ada BSN mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai yang

menerima rasuah dan tidak ada akaun di Hongkong.

Dr Chen Man Hin: Adakah Biro Siasatan Negara pergi ke Hongkong dan meminta pegawai-pegawai bank di Hongkong untuk menyasat akaun-akaun warganegara kita dan apakah reaksi daripada pihak pegawai-pegawai di Hongkong?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 23, saya tidak bersedia memberi jawapan kepada soalan itu kerana rahsia.

Tuan P. Patto: Adakah BSN pada bila-bila masa menjalankan kegiatan untuk mendapat maklumat daripada bank-bank di Hongkong atau di Singapura untuk menentukan sama ada pegawai-pegawai tinggi Kerajaan menyimpan wang di dalam bank-bank tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sama dengan Yang Berhormat dari Seremban dan telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu tidak mahu jawab di bawah Peraturan Mesyuarat 23(4) dengan kebenaran Speaker.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, adakah menjadi kesalahan dari segi undang-undang bagi pegawai-pegawai kalau hendak menyimpan wang di luar negeri?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya tidak salah.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh dibuat begitu dengan tidak ada salah apa-apa, tidak ada syarat apa-apa?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Ya.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan mempunyai satu rancangan (plan) di mana ada berhubung dengan negara-negara lain misalnya Hongkong atau Singapura di mana ada syarat-syarat boleh untuk memeriksa akaun-akaun di sana.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham soalan itu, boleh ulang balik.

sebanyak 100% dan di Thailand dan Philippines pada masa sekarang duti importnya ialah di antara 60%-70% dan di Malaysia duti import adalah rendah.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu pada masa ini memandangkan kebanyakan Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional datangnya daripada luar bandar dan pembatek-pembatek kita juga datangnya daripada luar bandar, dan pada hari ini kita tahu pembatek-pembatek kita di Kelantan, Trengganu dan Pahang mendapati kain-kain putih dengan harga begitu mahal, sedangkan mereka terpaksa pula bersaing dengan pembatek-pembatek ataupun kain-kain batek yang diimport daripada Indonesia dan Thailand. Adakah Kementerian ini bercadang untuk mengurangkan duti import kain putih dan meningkatkan lagi duti import untuk kain-kain batek yang datang daripada Indonesia sehingga 150% atau 200%?

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini dalam pertimbangan Kementerian saya.

ANGKATAN TENTERA THAI DI SEMPADAN KAMPUCHEA

9. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Kerajaan Thai sedang bersedia dengan menempatkan angkatan tenteranya di sepanjang sempadan Kampuchea selepas ancaman dari sebuah negara asing. Oleh kerana ini adalah satu perkara yang serius dan Negeri Thai berada dalam ASEAN sama ada Kerajaan bercadang membawa perkara ini kepada anggota-anggota ASEAN yang lain. Jika ya, apakah langkah yang akan diambil mengenai perkara ini dan jika tidak mengapa?

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar Kerajaan negeri Thai sedang memperkuat kawalan pertahanannya di daerah sempadannya dengan Kampuchea. Ini adalah satu hal yang wajar memandangkan adanya ancaman ini akan menjejaskan keselamatan negeri Thai. Sama ada perkara ini akan dibawa untuk perhatian

negara-negara ASEAN yang lain terpujanglah kepada Thailand sendiri. Tetapi Malaysia sebagai sebuah negara jiran yang mempunyai hubungan yang cukup rapat dengan Thailand mestilah mengikuti segala perkembangan tersebut sekiranya timbul kemungkinan perkembangan-perkembangan ini mengancam keselamatan negara kita.

Sekarang negara kita dan Thailand mempunyai kerjasama keselamatan yang rapat. Kerajaan berpendapat bahawa kerjasama tersebut serta langkah-langkah keselamatan kita sendiri adalah kemas dan memadai ketika ini. Walaupun demikian, Kerajaan sentiasa berwaspada dan berhati-hati tentang segala perkembangan yang mungkin akan mengancam keselamatan negara kita dan bersedia menghadapi apa-apa cabaran keselamatan dari mana-mana hala juga.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Dalam soal ini oleh kerana hari ini saya telah membaca suratkhbar bahawa Vietnam telah pun massing up forces di sempadan, adakah pihak Kerajaan negeri Thai pada bila-bila masa menemui Kerajaan Malaysia untuk meminta bantuan militer (defence aid) sekiranya negeri Thai diancam oleh negara lain. Sekiranya ada apakah pendirian Malaysia terhadap permintaan itu dan sekiranya belum diminta, adakah Kerajaan sendiri rela untuk membantu negeri Thai dalam melawan external aggression terhadap negeri Thai?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan yang di-Pertua, sungguhpun soal ini hypothetical, tetapi sukalah saya menyatakan iaitu sungguhpun keadaan serius seperti apa yang kita baca dalam akhbar, sama ada betul atau tidak kita harap sepertimana saya sebutkan tadi kita sentiasa berwaspada di atas apa yang dipertanyakan itu. Oleh sebab soalan ini hypothetical, maka bila sampai masanya kita akan bertindak dan berjaga-jaga di atas keadaan ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini yang kita tahu kita sudah ada persetujuan Gerakan Bersama antara tentera Thailand dengan Malaysia di Sempadan Malaysia dan Thailand. Adakah persetujuan Gerakan Bersama ini boleh dipanjangkan ke sempadan Thailand dengan Kampuchea?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Dewan yang mulia ini kerjasama di sempadan ini hanya di sempadan di antara Malaysia dengan Thai iaitu bersabit dengan ancaman bersama (common enemy). Jadi setakat ini saya suka mengatakan iaitu common enemy atau ancaman bersama ini tertakluk kepada kawasan di sempadan itu sahaja. Tetapi walau bagaimanapun, sepertimana saya sebutkan tadi perhubungan kita dengan Thailand adalah sangat rapat dan kerjasama sangatlah baik khususnya di sempadan di antara Thailand dengan kita.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penerangan atau jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan ancaman Kampuchea kepada Thailand dan ada pula kena-mengena dengan Malaysia apabila ancaman itu terjadi; sehingga setakat ini perhubungan Malaysia dengan Kampuchea belum wujud dengan begitu kukuh lagi. Saya ingin bertanya sampai setakat manakah perhubungan yang ada di antara Malaysia dengan Kampuchea dan adakah perhubungan yang wujud sekarang ini patut dapat menjamin supaya Kampuchea bukan sahaja tidak menyerang Thailand bahkan tidak terus sehingga ke Malaysia?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan sedikit di atas kedudukan perhubungan negara kita dengan Kampuchea sekarang ini.

Sukalah saya mengatakan untuk maklumat Dewan yang mulia ini iaitu kita tidak mengakui keadaan yang dinamakan Regime Heng Samrin. Berkenaan perhubungan itu saya tidak tahu apakah maksud Yang Berhormat menanyakan di atas perhubungan ini. Tetapi saya sukalah menyatakan di atas Regime Heng Samrin sekarang ini kita tidak mengakui.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan hal pendatang haram, adakah sampai hari ini satu keputusan telah diambil untuk mengadakan satu sidang khas Security Council United Nations untuk berbincang masalah-masalah yang kita hadapi sekarang? Oleh kerana situasi di sekeliling Indo-China sekarang tidak begitu stabil dan

mestilah sidang khas Security Council diadakan untuk berbincang masalah human rights, oleh kerana tindakan yang diambil oleh pihak Hanoi ialah satu tindakan yang racist.

Tuan Yang di-Pertua: Ini jauh sekali daripada soalan asal. Ini bukan pendatang haram tetapi datang tidak diundang langsung.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu kita telah dengar setakat ini Malaysia Singapura dan Indonesia telah menyatakan secara terbuka bahawa mereka akan menolong Thailand kalau Thailand diserang. Tetapi setakat ini saya sendiri belum dengar adanya perakuan yang serupa datang daripada negara ASEAN yang kelima iaitu daripada Filipina. Adakah pihak Kerajaan kita tahu bagaimana sikap Kerajaan Filipina dalam hal ini?

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan mendapat tahu hal ehwal negeri luar tak boleh disoalkan di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (1).

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari dahulu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada berkata apabila negara Thai diancam atau menghadapi aggression Kerajaan bersedia untuk memberi bantuan. Sudah sampai masanya sekarang apabila dalam laporan atau penerangan ada mengatakan Kampuchea dan Vietnam ada tank-tank di garisan sempadan Thailand dan Kampuchea. Apakah Kerajaan ingat buat sekarang, apa langkah-langkah diambil dan persediaan (preparation) diambil sekarang?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pertanyaan ini semacam juga daripada saudara kita dari Menglembu tadi. Saya rasa jawapan saya telahpun diberi dan mencukupi di atas jawapan itu; tidak ada perbezaan cara corak letak, sekarang datang daripada Seremban, satu daripada Perak, itu sahaja masalah—semacam.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri kepada saya tadi iaitu ada menyatakan gerakan bersama kita dengan Thailand ini boleh kita panjangkan

Tuan Yang di-Pertua: Ulang balik sekali lagi.

Dr Chen Man Hin: Adakah Kerajaan ada satu plan untuk menemui pegawai Kerajaan di Singapura atau di Hongkong ataupun di mana-mana walaupun di Switzerland untuk membuka akaun-akaun atau menyiasat akaun-akaun rakyat Malaysia di tempat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Membuka akaun atau menyiasat, itu lain.

Dr Chen Man Hin: Menyiasat.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, saya juga tidak bersedia memberi jawapan kepada soalan itu.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan memang ada beberapa orang pegawai tinggi yang terlibat dan bila diperiksa akaun mereka tidak ada di Hongkong dan lain-lain bank. Apakah tindakan tatatertib yang telah diambil terhadap pegawai-pegawai ini ataupun pegawai-pegawai ini masih lagi bertugas sekarang, atau bagaimana?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab tidak ada. Mengikut soalan asal tidak ada pegawai-pegawai yang berkenaan yang disiasat dan diambil tindakan, itu tidak ada. Soalan Yang Berhormat ini mengatakan ada dan apa tindakannya itu lain sedikit.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, apakah tindakan tata-tertib terhadap pegawai-pegawai yang terlibat dalam siasatan BSN ini?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dengan rasuah banyak yang telah diambil tindakan oleh BSN sama ada melalui proses mahkamah ataupun tindakan disiplin.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Soalan tambahan. Supaya pembuat soalan ini tidak membuat tuduhan yang palsu kepada pegawai-pegawai kanan, adakah pihak Timbalan Menteri bercadang meminta ataupun menerima laporan daripada pihak yang

membuat soalan ini tentang adanya pegawai-pegawai kanan yang rasuah dan membuka akaun di Hongkong dan Singapura.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Kalau ada, mereka boleh beri, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah peraturan ataupun undang-undang yang menyekatkan ataupun undang-undang yang menyekatkan mana-mana juga pegawai pergi ke Hongkong, pergi ke Singapura ataupun Switzerland dalam masa bercuti ataupun bertugas? Adakah peraturan melarang langsung mereka ini tidak boleh pergi, mungkin juga mereka pergi makan angin?

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak payah dijawab. Kalau hendak pergi, kalau paspot kata boleh, bolehlah. Ini lain daripada soalan asal.

(Soalan No. 7 Ditarik Balik)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali.

Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi menarik balik soalan saya, kerana Rang Undang-undang meminda Akta Hak Cipta 1969 sudahpun diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kali yang kedua Yang Berhormat tarik balik selepas diteriak nama. Lain kali, kalau hendak tarik, sebelum nama dipanggil di bawah 23 (2).

DUTI IMPORT ATAS PAKAIAN

8. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa beberapa pengimport-pengimport dan penjual-penjual kain di negara ini mengalami kemerosotan perniagaan memandangkan duti import Kerajaan yang tinggi ke atas kain, jika ya, adakah Kerajaan bercadang mengurangkan duti import ke atas kain supaya lebih banyak kain dapat diimport dan orang ramai boleh menikmati kain yang murah harganya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, Kadar-kadar duti import ke atas kain dan pakaian yang berkuatkuasa sekarang ini adalah sebanyak 25% pada keseluruhannya melainkan

bagi kain jenis "suinting" yang berduti sebanyak 35%. Di samping itu, duti spesifik sebanyak di antara 10 sen seela persegi sehingga 70 sen seela persegi dikenakan juga dengan tujuan melindungi perusahaan tempatan daripada amalan melonggok atau "dumping" oleh pengeksport-engeksport luar negeri. Selain daripada duti-duti yang disebutkan, pengimport-pengimport tidak dikenakan sekatan di dalam bentuk kuota import seperti yang berkuatkuasa sebelum 9hb September, 1976. Ini bermakna bahawa pengimport-pengimport dan penjual kain boleh mengimport kain-kain dan pakaian dari luar negeri dengan tidak ada hadnya. Sungguhpun demikian mereka tidak seharusnya bergantung sepenuhnya kepada perniagaan kain-kain dan pakaian dari luar negeri kerana mereka patut juga menjalankan perniagaan kain-kain dan pakaian yang dikeluarkan oleh perusahaan-perusahaan tekstail tempatan yang sepatutnya diberi sokongan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar-kadar duti import yang saya telah nyatakan tadi telahpun ditentukan selepas pertimbangan teliti dibuat mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh perusahaan tekstail tempatan dan juga selepas mengambil kira kepentingan pengguna-pengguna. Sebenarnya perusahaan tekstail memerlukan tingkat duti perlindungan yang ada sekarang ini bagi membantu perusahaan tempatan ini dan mengadakan pekerjaan kepada rakyat negara ini sendiri. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sepatutnya lebih mengetahui tentang dasar Kerajaan mengenai perkara ini.

Di dalam keadaan yang demikian, iaitu di mana kadar duti import adalah sederhana sahaja dan penjual-penjual tidak tertakluk kepada kuota import dan boleh bergantung juga kepada perniagaan menjual kain-kain dan pakaian yang dikeluarkan oleh pengeluaran tempatan, masalah kemerosotan perniagaan sepatutnya timbul.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun saya sedar dan insaf bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan industri-industri textile atau kain tempatan tetapi adakah Timbalan Menteri sedar bahawa pengguna-pengguna pada masa sekarang terpaksa membeli kain yang mahal oleh kerana duti import Kerajaan yang begitu tinggi sungguhpun tadi

Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata duti ini adalah sederhana tetapi pada anggapan rakyat duti import adalah tinggi? Dan jikalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar sama ada Kerajaan sanggup menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji kemungkinan mengurangkan duti import Kerajaan ini supaya pengguna-pengguna dapat menikmati kain yang lebih murah.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, pada menjawab soalan yang pertama itu, saya sudah jawab tetapi Yang Berhormat ulangkan soalan itu lagi. Dan bagi soalan yang kedua, Kementerian Kewangan selalu mengkaji duti import dari masa ke semasa dan seperti saya katakan tadi dalam perusahaan kain dan textile, kita sentiasa menggalakkan dan memberi tarif perlindungan kepada perusahaan-perusahaan tempatan. Dan pada masa sekarang kita tidak bercadang untuk membuat apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Dr Chen Man Hin: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar sungguhpun kita mahu melindungi perusahaan tempatan tetapi perusahaan textile atau kain sudah ditubuhkan dalam negeri ini beberapa tahun sampai sekarang, saya rasa adakah beliau bersetuju bahawa perusahaan ini sudah sampai masanya apabila industri itu sudah cukup lengkap dan tidak lagi mahu tax dan perlindungan dan pada masa sekarang consumer-consumer hendaklah dapat faedah supaya tidak usah lagi ada import duty untuk melindungi perusahaan textile sekarang.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa sekarang dalam negara kita ada banyak 95 kilang-kilang yang membuat kain-kain dan pakaian dan dalam perusahaan textile ada lebih 60,000 pekerja.

Tadi saya sudah jawab iaitu kita memberi perlindungan yang sederhana kepada pengusaha-pengusaha yang ada sekarang dan dengan tidak ada hadnya pengimportan untuk pengimport-pengimport atau retailers dalam perniagaan ini.

Saya juga telah jawab tadi iaitu duti import perlindungan sederhana sahaja pada masa sekarang kalau dibandingkan dengan duti import yang dikenakan atas kain di Indonesia

jika kita menghadapi ancaman bersama (common enemy). Sekarang nampaknya ancaman itu akan melibatkan negara Thai dan Malaysia. Bolehkah kita fahamkan rancangan gerakan bersama ini boleh diteruskan sekarang.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kita ada perjanjian, perjanjian itu mestilah berjalan dengan spirit dan perkataan-perkataan yang terkandung dalam perjanjian itu. Kalau hendak panjang, panjang ikut lain, tak boleh ikut itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini sama ada dalam mesyuarat beliau adakan baru-baru ini dengan tokoh-tokoh negara Thai termasuk tokoh-tokoh tentera negara Thai satu contingency plan telah disetujui oleh kedua-dua pihak mengenai perkara tindakan bersama apabila berlaku pencabulan sempadan Thai?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya telah sebut dan menerangkan pada masa-masa yang lepas, character ASEAN ini ialah economic, cultural dan social dan keadaan character ini saya rasa perlu dijamin untuk mempreservakan identity ini. Sepertimana saya sebutkan tadi, apa yang ada ialah bilateral cooperation di antara tentera dengan tentera, tidak ada multilateral organisation langsung.

SEKATAN PERDAGANGAN OLEH NEGARA PERINDUSTRIAN

10. **Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan kepada kesemua negara-negara perindustrian yang besar-besar sekarang sedang memperluaskan sekatan-sekatan ke atas banyak jenis barang-barang perkilangan dan separuh perkilangan termasuk kain-kain, sepatu dan barang-barang elektrik yang dikeluarkan oleh negara-negara membangun seperti Malaysia dan ada tanda-tanda bahawa sekatan-sekatan yang lebih rapi akan muncul, sama ada langkah-langkah seumpama ini oleh sebab satu per lima daripada jumlah terbesar eksport kita datangnya daripada sektor perkilangan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya katakan saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa negara-negara perindustrian yang besar sedang mempergiatkan sekatan-sekatan perdagangan ke atas barang-barang perkilangan dan separuh perkilangan keluaran negara-negara sedang membangun seperti Malaysia. Untuk membentasi keluasan sekatan-sekatan perdagangan ini Kementerian saya telah dan akan terus berusaha menentang sebarang jenis sekatan melalui forum-foram antarabangsa seperti UNCTAD dan GATT. Dari masa ke masa dan apabila perlu kita mengadakan perundingan secara dua hala dengan negara-negara maju berkenaan bertujuan mendapatkan kelonggaran kemasukan hasil-hasil perkilangan dan separuh perkilangan Malaysia ke pasaran mereka. Malaysia juga mengambil tindakan bersama melalui ASEAN dan bekerjasama rapat dengan negara-negara sedang membangun lain bagi mencapai tujuan di atas.

BIRO SIASATAN NEGARA— PENYIASATAN KES-KES DI MELAKA

11. **Tuan P. Patto** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan bahawa apakah sebabnya kes-kes seperti

- (i) Surat Menteri Undang-undang bil. PN. Y36/1-SF.I Vol. II bertarikh 5-12-1976 yang berkaitan dengan pengeluaran 3,300 ekar tanah di Kuala Sungai Baru, Melaka kepada Syarikat Sri Linggar Sdn. Bhd. di mana terlibat Ahli-ahli Exco Melaka;
- (ii) surat saya kepada Menteri Undang-undang bertarikh 4-10-1977 yang berkaitan dengan Syarikat Malim Jaya (M) Sdn. Bhd. Melaka & 350 ekar tanah di Jalan Malim di mana terlibat Perbadanan Kerajaan Negeri Melaka, dan
- (iii) surat saya kepada Timbalan Menteri Undang-undang bertarikh 23-3-1979 yang berkaitan dengan amalan salah dan penyelewengan dalam Majlis Perbandaran Melaka Tengah atas kelulusan projek-projek Wisma Yoot Ngoh Malacca dan 44 buah gerai di Perhentian Bas, Jalan Kilang dan lain-lain lagi

masih belum lagi diambil tindakan yang sewajarnya untuk menyasiat dan menghadapkan sesiapa yang bersalah ke mahkamah? Adakah kerana mereka yang terlibat ini adalah terdiri daripada politikus-politikus yang berpengaruh dan bertalian rapat dengan partai memerintah, maka mereka masih dibebaskan.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Penyasiatan oleh Biro Siasatan Negara ke atas kes ini telah selesai. Walau bagaimanapun kes tersebut masih lagi dikaji dengan teliti dari segi undang-undang sebelum apa-apa tindakan yang sewajarnya diambil.
- (ii) Kes ini masih diteliti oleh Biro Siasatan Negara untuk menentukan sama ada bahan-bahan yang didapati boleh dijadikan siasatan yang penuh.
- (iii) Maklumat ini telah diterima oleh Biro Siasatan Negara yang sekarang sedang meneliti sama ada dakwaan yang tersebut itu berasas ataupun tidak.

Setelah sahaja penyasiatan selesai, tindakan yang sewajarnya akan diambil secara bebas dengan tidak mengira hubungan politik orang-orang yang dikatakan terlibat itu.

ROMPAKAN KE ATAS NELAYAN

12. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa nelayan-nelayan di Utara Pantai Besar Semenanjung Malaysia sentiasa diganggu oleh lanun kerana kekurangan langkah-langkah keselamatan yang diambil dan sama ada beliau sedar bahawa bot-bot rondaan selalu berhenti di Kuala Perlis Sementara Pegawai-pegawainya singgah di Haadyai dan Setol dan jika ya, apakah langkah yang akan diambil untuk memberhentikan perbuatan yang menyeleweng ini dan mengawal nelayan-nelayan.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu tidak ada apa-apa aduan yang diterima mengenai rompakan-rompakan ke atas nelayan-nelayan yang menangkap ikan ke utara Pantai Besar ataupun Kuala Perlis akan tetapi ada aduan mengenai rompakan ke atas nelayan-nelayan yang menangkap ikan di kawasan Pulau Langkawi. Nelayan yang menangkap ikan di kawasan Pulau Langkawi itu adalah yang datang daripada Kuala Perlis, Kedah, Pulau Pinang di samping nelayan-nelayan di pulau itu sendiri. Walau bagaimanapun, rondaan oleh Pasukan Marine Polis sentiasa dipergiatkan di kawasan itu sebagai langkah-langkah berjaga-jaga.

Bot-bot Marine Polis memanglah ada singgah di Kuala Perlis dan tujuannya ialah untuk membaiki kerosakan-kerosakan yang kecil, mengisi minyak dan juga mengambil bekalan. Sepanjang yang saya ketahui ada pegawai-pegawai Polis Marine yang pergi ke Haadyai dan Setol itu ialah atas urusan rasmi dalam rangka kerjasama dengan Polis Marine Thai berkaitan dengan penyelarasan rondaan di kawasan yang berkenaan serta dalam jangka kerjasama berkaitan dengan coordinated patrol zone.

GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH

13. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru-guru yang diambil setiap tahun dan sama ada bilangan ini mencukupi memandangkan banyak sekolah-sekolah baru yang sedang didirikan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Ahli Yang Berhormat tidak sebutkan mulai tahun berapa, jadi untuk menjimatkan masa Dewan yang mulia ini saya cuma memberi angka-angka mulai daripada tahun 1977 kepada tahun 1979:

	1977	1978	1979
Latihan Maktab	3,738	5,857	6,321
Siswazah Universiti	1,739	1,672	1,714
Jumlah ..	4,477	7,529	8,035

Bilangan ini adalah cukup untuk menampung keperluan negara ini, kecuali bagi mata-pelajaran Sains dan Bahasa Inggeris di peringkat menengah atas dan bahasa Inggeris di peringkat menengah rendah.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah bilangan guru-guru yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi termasuk guru-guru agama mata pelajaran Islam?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, ya.

HARGA BARANG-BARANG

14. Tuan Racha Umong (*di bawah S. O. 24*) (2) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di pekan-pekan kecil terdapat penjual-penjual runcit mengenakan harga yang lebih tinggi daripada kadar harga barang-barang runcit yang ditetapkan oleh Kementerian. Jika ya, apakah langkah-langkah positif Kementerian ke arah mengesan dan memperbaiki keadaan ini?

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, memanglah tidak dapat dinafikan bahawa adanya perbezaan harga barang-barang di antara satu tempat dengan tempat yang lain terutama sekali di pekan-pekan yang kecil. Ini adalah mengikut keadaan tempat tersebut di mana terdapat masalah pengangkutan, pasaran, cara penjualan dan lain-lain aspek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya melaksanakan kawalan harga secara pentadbiran ke atas 9 barang-barang kawalan iaitu susu, tepung gandum, gula, minyak petrol, minyak disel, minyak tanah, besi waja, simen dan roti. Di samping itu, Kementerian saya juga melaksanakan kawalan harga ke atas barang-barang yang diberikan taraf perintis dan juga barang-barang yang diberikan perlindungan tarif. Sebelum harga barang-barang ini boleh dinaikkan, setiap permohonan untuk menaikkan harga barang-barang yang disebutkan di atas akan dikaji dan ditimbang oleh Jawatankuasa Kaji Semula Harga yang ditubuhkan di Kementerian saya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, Kementerian saya juga telah mengambil tindakan untuk mengisytiharkan 19 jenis barang-barang sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961. Di samping itu sejumlah 21 jenis barangan untuk kegunaan di hari-hari perayaan juga diisytiharkan sebagai barang kawalan mulai daripada awal bulan puasa sehinggalah tamatnya perayaan Tahun Baru China.

Selanjutnya Kementerian saya juga telah mengambil tindakan untuk mewartakan 111 jenis barangan di bawah Akta Kawalan Harga, 1946 sebagai barang-barang yang diwajibkan untuk ditandakan harganya. Kesemua tindakan yang diambil adalah bertujuan untuk mengawal dan menstabilkan harga barangan di negara kita ini iaitu bagi kepentingan rakyat di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, Kementerian saya juga menyiasat ke atas aduan-aduan yang diterima sama ada dari orang perseorangan ataupun badan-badan tertentu. Kerjasama dari orang ramai adalah mustahak dan perlu dalam perkara ini dan setiap aduan yang diterima adalah diberi perhatian yang serius oleh Kementerian saya.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa terdapat satu laporan di dalam surat khabar tempatan bahawa syarikat-syarikat pembuat minuman ringan (soft drinks) hendak meminta kebenaran daripada pihak Kementerian yang berkenaan untuk menaikkan harga minuman ringan iaitu mereka bercadang untuk menaikkan 5 sen untuk satu botol. Sekiranya beliau sedar tentang hal ini, saya ingin mendapat tahu sama ada sehingga hari ini Kementerian ada menerima satu permintaan dan jikalau ada apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini iaitu kepada pengetahuan saya sendiri, belum ada apa-apa permohonan diterima. Mungkin ianya telah dikemukakan kepada pegawai-pegawai di Kementerian saya jika perkara ini berlaku, sebagaimana yang saya katakan tadi pihak Jawatankuasa Kaji Semula Harga di bawah

Kementerian saya akan mengkaji permintaan itu dengan telitinya dan jika didapati sesuai dan mempunyai alasan-alasan yang tertentu ia akan diberi pertimbangan yang sebaik-baiknya.

Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun mengumumkan tentang penurunan cukai di atas buah-buahan, barang-barang elektrik dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa walaupun Kerajaan telahpun mengumumkan penurunan cukai di atas bahan-bahan yang saya sebutkan tadi sehingga ini masih banyak lagi peniaga-peniaga kecil mengenakan harga yang tinggi di atas bahan-bahan yang tersebut.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, memanglah saya sedar pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan mengenai penurunan cukai, tetapi saya tidak dapat memastikan sama ada harga barang-barang yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi masih tinggi. Walaupun setengah daripada barang-barang ini cukainya telah diturunkan sebanyak 50% seperti buah-buahan, ini tidak bermakna bahawa harga barang-barang ini turun sebanyak 50%, hanya cukai sahaja yang diturunkan, jadi beberapa faktor yang lain perlu diambil kira apabila pihak penjual menetapkan harga sebenarnya. Masalah tinggi itu atau rendah adalah relative, tetapi jika hanya sudah turun sedikit, ianya bolehlah dikatakan mencapai objektif yang telah dibuat oleh Kerajaan.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini sedar bahawa barang-barang kawalan yang sama di kedai-kedai runcit ini terdapat tandaharga oleh pekedai-pekedai yang berlainan tempat berlainan pula harganya.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi bahawa perbezaan yang berlaku ini adalah disebabkan beberapa faktor termasuklah kos

pengangkutan, pasaran, cara penjualan dan lain-lainnya. Oleh itu tidaklah boleh Kerajaan menetapkan harga yang sama bagi tiap-tiap satu kedai atau di tempat-tempat yang berlainan. Ini terpulanglah kepada pengguna-pengguna pada keseluruhannya untuk melihat kedai mana yang murah dan di situlah yang patut mereka beli.

NOVEL "ZAMAN PANCAROBA"

15. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) mengapa Kerajaan mengharamkan novel karangan Sdr. Kassim Ahmad bertajuk "Zaman Pancaroba" atau "The Era of Crisis" sebelum novel tersebut diterbitkan; dan mengapa Kerajaan mengeluarkan perintah supaya draf novel tersebut dibakar sedangkan adalah menjadi amalan biasa untuk menyimpan naskah karya-karya yang diharamkan; dan
- (b) mengapa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak benarkan Sdr. Kassim Ahmad yang sedang dalam tahanan sejak 1976 melanjutkan pelajarannya untuk mendapatkan ijazah Ph. D. di dalam bidang Sains Politik sungguhpun beliau telah diterima oleh Universiti Kebangsaan Malaysia untuk mengikuti kursus tersebut?

Tan Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua (a) Kassim Ahmad telah mengambil tindakan sivil di mahkamah terhadap Kerajaan atas pengharaman manuscript novel "Zaman Pancaroba". Oleh kerana kes ini masih lagi dalam pertimbangan mahkamah maka soalan Ahli Yang Berhormat tidaklah boleh dijawab menurut Peraturan Mesyuarat 23(1)(g) dan selanjutnya bagi soalan (b) Kerajaan menolak permohonan Kassim Ahmad itu di atas sebab-sebab keselamatan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Saya bukan menyebut mengenai kes di mahkamah tetapi saya mahu bertanya sama ada menjadi satu amalan biasa oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengarahkan bahawa naskah karya-karya yang diharamkan itu dibakar.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, ini kuasa membakar atau tidaknya naskah-naskah surat atau kertas-kertas yang dikatakan boleh mengancam keselamatan negara adalah di bawah kuasa undang-undang yang dijalankan oleh Ketua Polis Negara, memang ada kuasa itu.

YUNIT PUSAT PERINDUSTRIAN

16. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejak tertubuhnya Yunit Pusat ramaikah yang menggunakan kemudahan ini dan nyatakan jenis-jenis perusahaan yang terlibat. Di antara mereka ini berapa ramaikah yang datang dari pengusaha-pengusaha bumiputra. Adakah Kementerian ini bercadang menubuh satu Yunit Pusat yang serupa ini di negeri-negeri Pantai Timur? Jika tidak, mengapa?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, semenjak ditubuhkan pada 1hb September, 1978 sehingga 31hb Mei, 1979 Yunit Pusat telah melayani sebanyak 609 pertanyaan-pertanyaan dan permohonan-permohonan untuk mendapatkan nasihat dan bantuan bagi mengatasi masalah-masalah berhubung dengan penubuhan dan pelaksanaan projek-projek perindustrian. Jenis-jenis perusahaan yang terlibat termasuklah perusahaan kayu-kayan, makanan, minuman, kain-kain, barang-barang getah, barang elektrik dan elektronik, barang-barang logam, barang-barang kimia, makanan haiwan, ubat-ubatan, cat, lilin, alat-alat jentera pertanian dan perindustrian dan sebagainya. Dari jumlah pertanyaan-pertanyaan dan permohonan-permohonan yang diterima sebanyak 26 pertanyaan dan permohonan datang dari pengusaha-pengusaha bumiputra.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika ini, Kementerian saya tidak bercadang untuk menubuhkan Yunit Pusat di peringkat negeri termasuklah negeri-negeri Pantai Timur. Ini adalah disebabkan bahawa Kerajaan perlu memperkukuhkan lagi Yunit Pusat ini supaya menjadi lebih berkesan memandangkan kebanyakan kelulusan-kelulusan bagi permohonan-permohonan untuk menubuhkan projek perindustrian diperolehi di peringkat Persekutuan.

Oleh itu, saya berpendapat adalah terlalu awal untuk menubuhkan Yunit Pusat seumpama ini di peringkat Negeri. Namun demikian, MIDA telah menubuhkan pejabat-pejabat cawangannya di Kuantan dan Kota Bharu dan pejabat-pejabat cawangan ini boleh memberi perkhidmatan dan nasihat-nasihat tertentu kepada bakal-bakal pelabur di Pantai Timur.

PEMBANGUNAN WILAYAH DAN DAERAH

17. Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar masih terdapat kadar pembangunan yang tidak seimbang sedang berlaku di antara sebuah daerah dan daerah yang lain dalam Malaysia, yang mana setengah daerah, didapati projek-projek pembangunannya amat pesat sekali, sedangkan di setengah daerah lain, projek-projek pembangunannya terlalu kurang terutama sekali projek-projek pembangunan yang lebih pesat dalam bandar seperti pembangunan yang terdapat di sebelah Pantai Barat Semenanjung yang melebihi daripada Pembangunan di Pantai Timur, jika ya, apakah tindakan yang selanjutnya yang akan diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Kerajaan sememangnya sedar terdapat perbezaan kemajuan bukan sahaja di antara daerah-daerah tetapi juga di antara negeri-negeri. Atas kesedaran inilah di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga, Kerajaan telah menentukan beberapa strategi untuk mengatasinya.

Di antara strategi yang telah ditentukan oleh Kerajaan ialah program pembangunan Wilayah dan pembinaan pusat-pusat pertumbuhan baru. Seperti Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, tujuan program ini ialah untuk memastikan pembahagian faedah pembangunan ekonomi adalah lebih saksama di antara wilayah-wilayah dan untuk mencapai matlamat ini usaha yang bersungguh-sungguh sedang diambil oleh Kerajaan untuk memajukan sumber-sumber semula jadi yang tidak digunakan sepenuhnya di negeri-negeri kurang maju terutama di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Dalam tempoh 1976-1978, kajian-kajian wilayah dan pembangunan perindustrian telah dijalankan di negeri-negeri Kedah/Perlis, Kelantan, Melaka, Sabah dan Sarawak. Kajian-kajian ini telah siap dan sedang dikaji oleh Kerajaan. Tujuan kajian-kajian ini ialah untuk meningkatkan usaha-usaha Kerajaan di dalam pembangunan bandar dan kemajuan perindustrian di kawasan-kawasan kurang maju untuk mengwujudkan struktur ekonomi yang lebih seimbang dan mempelbagaikan peluang pekerjaan. Selaras dengan tujuan ini Kerajaan telah menaikkan peruntukan kewangan bagi projek-projek yang dapat meninggikan taraf pembangunan daerah berkenaan, hasil daripada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu seterusnya, Kerajaan telah menjalankan program klasifikasi kampung dengan tujuan untuk mengetahui sejauh manakah faedah-faedah pembangunan dinikmati oleh semua rakyat. Dengan data-data yang dikumpulkan itu Kerajaan telah dapat menentukan bukan sahaja daerah mana yang maju/mundur tetapi juga kampung manakah yang perlu diberi perhatian lebih oleh Kerajaan. Pada masa ini Kerajaan sedang menyusun beberapa strategi untuk mengatasi masalah ketidaksamaan kemajuan di antara kampung atau daerah.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 18 hingga 30 adalah diberi di bawah ini).

DISEL KEPADA SYARIKAT KENDERAAN KECIL

18. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjelaskan adakah Kementerian ini bercadang untuk meluaskan jualan disel secara terus kepada syarikat-syarikat kenderaan kecil, bagi mengatasi kekurangan minyak disel yang berlaku kepada syarikat-syarikat kenderaan awam?

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya tiada apa-apa halangan sekiranya syarikat-syarikat kenderaan kecil membeli disel secara terus daripada syarikat-syarikat

minyak. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat kenderaan kecil ini terpaksa menyediakan kemudahan-kemudahan seperti mengadakan 'skid tanks' dan lain-lain lagi untuk menyimpan minyak tersebut, dan ini pada pendapat saya akan menyebabkan kenaikan harga bahan tersebut. Ini terulangnya kepada syarikat-syarikat berkenaan untuk mengadakan rundingan-rundingan dengan syarikat-syarikat minyak; dan Kementerian saya boleh mengeluarkan permit-permit yang diperlukan mengikut syarat-syarat yang tertentu.

PETROLIAM—KENAIKAN HARGA

19. Tuan Karpal Singh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan oleh kerana harga petroliaam dijangka naik;

- (a) sama ada Kerajaan bercadang untuk memberi subsidi sekiranya harga petroliaam naik;
- (b) bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk memperlindungi rakyat yang akan menerima kesan kenaikan ini;
- (c) sama ada Kerajaan akan menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji masalah petroliaam, dan jika ya, apakah tindakan yang telah diambil setakat ini; dan
- (d) apakah hasil pendapatan yang diperolehi dari eksport petroliaam sehingga akhir tahun 1978?

Dato Lew Sip Hon: Bagi soalan-soalan (a), (b) dan (c) Y.B. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah menjawab soalan yang serupa semasa beliau menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar pada 11-6-79 dan saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan tersebut.

Bagi soalan (d) Y.A.B. Perdana Menteri telah menjawab soalan yang serupa juga semasa beliau menjawab soalan Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka pada tarikh yang sama dan saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan itu.

RUMAH-RUMAH SETINGGAN DI KUALA LUMPUR

20. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilangan

rumah-rumah setinggan di Kuala Lumpur yang tidak mempunyai keperluan-keperluan asasi seperti berikut:

- (a) bekalan air;
- (b) bekalan elektrik;
- (c) tandas dan kemudahan-kemudahan pembuangan sampah sarap. Apakah tindakan yang sedang diambil bagi menyediakan keperluan-keperluan asas ini?

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Hussein Onn):

- (a) Bekalan air tidak diberi kepada rumah-rumah setinggan secara langsung tetapi diberikan mengikut kawasan-kawasan setinggan melalui paip-paip umum (stand pipes). Pada masa sekarang hampir ke semua kawasan setinggan Wilayah Persekutuan telah dibekalkan dengan paip umum dan tidak dikenakan apa-apa bayaran kepada pengguna-penggunanya. Dewan Bandaraya sedang berusaha untuk menambahkan lagi bekalan paip umum yang sehingga hari ini berjumlah 394 batang paip umum.
- (b) Sebilangan besar kawasan setinggan belum mendapat bekalan elektrik. Ini disebabkan selama ini dasar Kerajaan adalah tidak membekalkan elektrik kepada kawasan-kawasan itu tetapi dengan adanya dasar baru pula untuk membekalkan juga kawasan-kawasan setinggan itu maka usaha-usaha sedang dijalankan sekarang untuk menentukan kesesuaian mana-mana kawasan setinggan dibekalkan dengan elektrik. Oleh itu buat masa sekarang saya tidak dapat memberi angka rumah setinggan yang belum mendapat bekalan elektrik.
- (c) (i) Tandas curah adalah diadakan untuk kawasan-kawasan setinggan dan bukan tiap-tiap rumah dalam kawasan itu. Sehingga bulan Jun 1979 sebanyak 170 buah tandas curah dan 19 buah kampung-kampung setinggan telah didirikan. Dewan Bandaraya akan memberi 500 buah tandas curah di kawasan setinggan

Wilayah Persekutuan dan dijangka akan siap akhir tahun 1980.

- (ii) Perkhidmatan sampah di kawasan-kawasan setinggan adalah rumit untuk dilaksanakan oleh sebab:
 - (a) rumah-rumah setinggan yang tidak teratur menyulitkan lori-lori sampah Dewan Bandaraya menjalankan kerja-kerja mengangkut sampah dengan sempurna.
 - (b) kebanyakan kawasan-kawasan setinggan tidak mempunyai jalan/lorong yang dapat digunakan oleh kenderaan-kenderaan berat seperti lori-lori sampah.

Bagi kawasan-kawasan yang mempunyai jalan-jalan yang dapat digunakan oleh kenderaan-kenderaan berat, Dewan Bandaraya ada memberikan khidmat mengangkut sampah secara percuma.

PENYELEWENGAN DALAM PERUSAHAAN PERUMAHAN

21. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Undang-undang menyatakan berapakah kes-kes penyiasatan telah disiapkan atau sedang dalam siasatan kerana didapati amalan salah dan penyelewengan dalam perusahaan perumahan, dan berapakah kes-kes ini akan dihadapkan kepada Mahkamah?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Semenjak bulan November 1978 hingga sekarang, sejumlah 84 penyiasatan telah dibuka untuk menjalankan siasatan ke atas amalan salah dan penyelewengan dalam perusahaan perumahan. Bagaimanapun hanya 4 sahaja kes yang telah dihadapkan di mahkamah; selainnya itu masih di dalam penyiasatan.

PELAJAR-PELAJAR KE INSTITUSI PELAJARAN TINGGI

22. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Pelajaran sama ada beliau akan mempertimbangkan kuota yang wajar bagi semua bangsa dalam pengambilan masuk para

pelajar ke dalam institusi-institusi pelajaran tinggi di Malaysia yang ditubuhkan oleh Kerajaan bagi membayangkan pembahagian kaum dalam masyarakat kita yang berbilang bangsa.

Dato' Chan Siang Sun: Pengambilan pelajar-pelajar ke institusi-institusi pelajaran tinggi di Malaysia memanglah dibuat berdasarkan kuota yang mencerminkan komposisi kaum di negara ini. Tetapi sebagaimana yang telah saya terangkan di Dewan ini pada 19hb Mac, 1979 yang lalu sebagai langkah permulaan terutama sekali di sepanjang masa Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan pengecualian adalah diberi kepada Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia supaya Universiti-universiti itu dapat memainkan peranan mempercepatkan proses penambahan pengeluaran Bumiputra di dalam pelbagai bidang di mana kekurangan Bumiputra jelas berlaku. Walau bagaimanapun sejak sesi 1977/78 telah dimulakan proses penambahan pelajar-pelajar bukan Bumiputra di ketiga-tiga universiti tersebut secara beransur-ansur dan pada sesi 1979/80 ini proses penambahan itu telah diteruskan.

GURU-GURU PUPIL'S OWN LANGUAGE

23. Tuan P. Patto minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar guru-guru P.O.L. (Pupil's Own Language) yang mengajar bahasa Mandarin dan Tamil di sekolah-sekolah rendah dan menengah yang diupah sebagai guru-guru biasa di sekolah-sekolah China dan Tamil tidak berasa suka hati dengan kadar elaun yang diberikan kepada mereka yakni sebanyak \$7 setiap jam mereka mengajar; jika ya, adakah Kerajaan akan menimbang untuk meninggikan elaun yang diberikan kepada mereka supaya dapat galakan guru-guru berkenaan supaya berusaha lebih di dalam ajaran mereka jika tidak, mengapa?

Dato' Chan Siang Sun: Kementerian saya tidak mengetahui bahawa guru-guru yang mengajar di kelas-kelas P.O.L. (Pupil's Own Language) yang diadakan di luar masa tugas mereka sebagai guru sepenuh masa di sekolah-sekolah tidak puas hati dengan kadar elaun yang dibayar kepada mereka. Elaun yang dibayar ini adalah sama kadarnya seperti yang

dibayar kepada guru-guru yang mengajar di kelas-kelas Pelajaran Lanjutan dan guru-guru sambilan iaitu \$5.00 sejam di peringkat rendah, \$7.50 sejam di peringkat menengah rendah dan \$10.00 sejam di peringkat menengah atas. Setakat ini tidak ada permintaan sama ada secara rasmi atau tidak rasmi untuk menambah atau menaikkan kadar elaun yang dibayar kepada guru-guru kerana membuat kerja mengajar 'tambahan'. Walau bagaimanapun pihak saya akan mengkaji semula kadar elaun ini.

PENGAJARAN JAWI

24. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian beliau untuk menjamin murid-murid sekolah sekurang-kurangnya di sekolah-sekolah menengah boleh membaca dan menulis Jawi memandangkan pada hari ini kian kurang murid-murid sekolah yang boleh membaca dan menulis Jawi dengan lancar.

Dato' Chan Siang Sun: Kementerian saya telah mengadakan peruntukan masa untuk pengajaran Jawi di sekolah-sekolah rendah. Peruntukan ini ternyata dalam surat Pekeliling KP.8604-1/(50) bertarikh 5hb Mac, 1971 yang berbunyi: "Dua waktu dalam seminggu hendaklah diperuntukkan bagi pelajaran Jawi. Dalam darjah-darjah atas di mana murid-murid sudahpun menguasai teknik-teknik menulis dan membaca Jawi, pelajaran Jawi bolehlah digabungkan dengan pelajaran bahasa keseluruhannya dan tidak semestinya diadakan waktu khas dan pengasingan untuk pelajaran Jawi".

Kementerian ini berpendapat bahawa peruntukan masa untuk pelajaran tersebut adalah mencukupi. Sungguhpun begitu Kementerian ini tidaklah menafikan iaitu masih terdapat sebilangan murid yang tidak dapat menguasai bacaan dan tulisan Jawi. Oleh itu pihak Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah dari segi mengajar matapelajaran Jawi ini dengan lebih berkesan terutama di peringkat sekolah-sekolah rendah lagi. Langkah-langkah itu adalah seperti berikut:

- (i) Memberi latihan kepada guru-guru cara-cara mengajar matapelajaran Jawi dengan lebih berkesan lagi.

- (ii) Menyediakan lebih banyak bahan-bahan pelajaran sokongan yang dapat memberi lebih pengukuhan (reinforcement) kepada murid-murid terhadap pembelajaran matapelajaran Jawi ini.
- (iii) Memperbanyakkan bahan-bahan bacaan Jawi serta menggalakkan murid-murid membaca bahan-bahan tersebut. Buku-buku ini akan digredkan mengikut prinsip dari mudah kepada yang payah serta mengikut tingkat perkembangan fikiran murid-murid.
- (iv) Menambahkan lagi pendedahan Jawi kepada murid-murid melalui pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah.

Sekiranya matapelajaran Jawi ini dapat diajarkan dengan lebih berkesan di peringkat sekolah rendah lagi adalah dirasai murid-murid tidak akan mengalami kesulitan memperoleh kemahiran membaca dan menulis Jawi apabila mereka sampai ke sekolah menengah nanti.

HOSPITAL DAERAH BINTULU

25. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian beliau ada membuat rancangan untuk membaiki selanjutnya Hospital Daerah Bintulu yang ada sekarang memandangkan penghijrahan pekerja-pekerja ke sana akibat pelaksanaan banyak projek yang besar-besar di Bintulu.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Hospital Daerah Bintulu pada mulanya hanya mempunyai 26 katil dan pada masa sekarang jumlah katil ini sedang ditambah kepada 102 katil. Di samping itu, tambahan-tambahan lain juga diadakan seperti berikut:

Jabatan Pesakit Luar;
 Klinik Ibu dan Kanak-kanak;
 Makmal, X-ray;
 Klinik Pergigian;
 Dapur baru;
 Dobi baru;
 Setor baru; dan
 Rumah-rumah kakitangan hospital.

Penambahan ini telah dirancang bagi menampung keperluan penduduk-penduduk dan pekerja-pekerja yang akan bertambah disebabkan pembangunan yang pesat di wilayah Bintulu. Satu peruntukan sebanyak \$1.05 juta telah disediakan untuk projek ini dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Jumlah penduduk di Daerah Bintulu pada masa sekarang ialah 15,000 orang, dan mengikut nisbah katil yang telah ditetapkan iaitu 2 katil untuk 1,000 penduduk adalah bermakna peruntukan kemudahan yang ada sekarang dianggar mencukupi. Dengan tambahan-tambahan tersebut di atas, Hospital Daerah Bintulu akan dapat menampung keperluan perkhidmatan perubatan sejumlah 50,000 orang iaitu jumlah penduduk-penduduk yang dianggarkan bagi tahun 1990 yang termasuk pekerja-pekerja yang akan berpindah ke Daerah Bintulu ini.

BOMOH/DUKUN MEMULIHKAN PENAGIH-PENAGIH DADAH

26. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, memandangkan bahawa usaha memulihkan penagih-penagih dadah dengan cara tradisional yang dilakukan oleh bomoh dan dukun-dukun di negara ini telah mendapat kejayaan yang sangat memuaskan, adakah Kementerian beliau bercadang akan mengusahakan satu pakatan antara kalangan para doktor, bomoh dan dukun bagi mendekati soal pemulihan penagih-penagih dadah, dan adakah sebarang rancangan untuk memberi kemudahan kepada kalangan dukun dan bomoh bagi mempesatkan lagi kegiatan mereka dalam usaha mengurangkan bilangan penagih-penagih dadah dalam negara ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Persoalan sama ada hendak menggunakan perubatan secara tradisional adalah bergantung kepada satu kajian yang sekarang ini sedang dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang bagi pihak Kerajaan.

Kajian mengenai perubatan secara tradisional ini akan siap pada penghujung tahun ini.

PELARIAN VIETNAM

27. **Dr Chen Man Hin** minta Perdana Menteri menyatakan masalah-masalah sosio-ekonomi diakibatkan oleh perpindahan lebih kurang 200,000 pelarian-pelarian dari Vietnam dan mungkin lebih kurang 500,000 dalam masa akan datang, sama ada negara-negara ASEAN dan komuniti antarabangsa akan menekan Vietnam dan meminta Vietnam mengkaji dan memeriksa semula dasar-dasar dalam negerinya supaya menghapuskan sebab-sebab yang mengakibatkan pelarian-pelarian ini lari beramai-ramai.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Malaysia adalah sebuah negara kecil yang sedang membangun dan segala rancangan pembangunan sosio-ekonomi adalah berasaskan kepada prinsip-prinsip tertentu yang sesuai dengan keadaan dalam negara umpamanya keimbangan kaum. Jadi kehadiran pendatang-pendatang haram Vietnam dengan begitu ramai terutama sekali di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia, di mana tekanan atau keutamaan pembangunan sosio-ekonomi ditumpukan, sudah tentu akan menjejaskan prinsip-prinsip pembangunan tersebut.

Malaysia bersama dengan anggota-anggota ASEAN yang lain telah mengambil beberapa langkah untuk menyelesaikan masalah pendatang haram ini. Selaras dengan pendirian ini delegasi Malaysia di Mesyuarat di Jakarta pada Mei lalu telah menekankan bahawa Vietnam sebagai punca masalah ini seharusnya mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menyelesaikannya. Ahli Yang Berhormat mungkin sedar bahawa Y.B. Menteri Luar Negeri pada 11hb Jun, 1979 telah memberitahu Duta Besar Vietnam di Malaysia bahawa masalah pendatang haram Vietnam di Malaysia telahpun meningkat ke satu paras kritikal dan boleh menjejaskan perhubungan dua hala antara kedua-dua negara berkenaan.

Malaysia dan negara-negara lain telah juga menyeru supaya Vietnam mengawal orang-orang pelariannya keluar dengan cara teratur. Satu persetujuan telahpun dicapai di antara Vietnam dan UNHCR pada 30hb Mei, 1979 untuk mewujudkan satu rancangan yang membolehkan percantuman semula keluarga

(family reunion) dan kes-kes perikemanusiaan yang lain.

Sebagai meneruskan lagi usaha-usaha di peringkat ASEAN dan antarabangsa untuk menyelesaikan masalah ini, Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN di Bali pada 28hb Jun 1979 akan juga membincangkan masalah tersebut. Kegiatan sedang dibuat oleh Setiausaha Bangsa-bangsa Bersatu bersama dengan beberapa negara lain untuk mengadakan satu Mesyuarat Bangsa-bangsa Bersatu untuk membincang dan mencari penyelesaian muktamad bagi masalah ini.

KAEDAH MENGAJAR MEMBACA

28. **Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian ini menyedari bahawa ramainya murid-murid walaupun telah tamat Darjah 6 di sekolah rendah, masih tidak boleh membaca dan menulis, oleh itu tentulah ada kelemahan berlaku dalam kaedah pengajaran Bahasa Malaysia dan jika ya sama ada Kementerian ini akan mengkaji semula kaedah pengajaran bahasa ini, supaya lebih sesuai, dengan tidak semata-mata mencontohi kaedah pengajaran bahasa-bahasa barat.

Dato' Chan Siang Sun: Kementerian saya sedar tentang adanya murid-murid yang tidak boleh membaca dan menulis setelah tamat Darjah 6. Kedudukan sebenar mengenai perkara ini dijangka akan dapat diketahui setelah kajian mengenai penguasaan kemahiran asas membaca bagi seluruh Malaysia dijalankan dalam bulan Jun/Julai. Kelemahan dari segi kaedah pengajaran Bahasa Malaysia bukanlah faktor utama yang menyebabkan keadaan ini berlaku, kerana ada faktor-faktor lain seperti faktor sosial dan faktor fizikal murid-murid itu sendiri yang juga mengakibatkan keadaan yang sama.

Pada masa sekarang, terdapat berbagai kaedah mengajar membaca seperti kaedah sukukata, kaedah pandang dan sebut, kaedah bunyi dan lain-lain yang disarankan kepada guru-guru bergantung kepada keperluan-keperluan yang terdapat di bilik darjah. Dengan itu adalah tidak benar bahawa kaedah yang dijalankan di sekolah-sekolah hanya semata-mata mencontohi kaedah pengajaran bahasa-bahasa barat.

RISDA—AMALAN RASUAH

29. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar tentang amalan-amalan rasuah dalam RISDA dan jika ya, apakah langkah segera dan berkesan yang akan diambil untuk memulihkan kepercayaan orang ramai kepada badan-badan berkanun?

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof): Saya sedar dan tindakan yang telah dan sedang diambil bagi memulihkan kepercayaan orang ramai ke atas Lembaga ini adalah:

- (i) menghadapkan mereka yang terlibat kepada pengadilan Mahkamah;
- (ii) sekiranya bukti tidak cukup untuk tujuan ini mereka ini akan diambil tindakan di bawah peraturan yang tertentu seperti Peraturan Am (General Order);
- (iii) mengemaskan lagi pentadbiran RISDA dengan menambahkan kecekapan bahagian Inspectorate dan Odit Lembaga ini; dan
- (iv) menambahkan bilangan pegawai-pegawai untuk mengatasi kelambatan dan meninggikan lagi kecekapan keseluruhan jentera Lembaga ini.

UCAPAN SENSITIF Y.B. MARK KODING

30. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Undang-undang mengatakan sama ada siasatan ke dalam ucapan bersensitif dan berhasutan yang dilafaskan oleh Y.B. Mark Koding, Ahli Parlimen Kawasan Kinabalu, di Dewan Rakyat pada 11-10-1978 sepertimana dilaporkan kepada pihak polis oleh Y.B. Chan Teik Chan, Ahli Parlimen Kawasan Kota Melaka, telah tamat, jika ia, nyatakan tindakan-tindakan yang sewajar yang diambil di dalam perkara ini.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Siasatan polis dalam kes ini baru sahaja tamat. Oleh kerana, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ianya melibatkan

soal hak dan kebebasan Parlimen, maka kes ini adalah "complicated" sedikit dan memerlukan kajian yang mendalam. Oleh yang demikian Jabatan Peguam Negara terkenalah mengambil masa sedikit bagi mengkajinya.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEJABAT POS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (20hb Jun, 1979)

Tuan Yang di-Pertua: Perbahasan atas Rang Undang-undang ini diteruskan. Ahli Yang Berhormat dari Pantii.

3.35 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Pantii): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun bersama-sama dengan rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain pada semalam iaitu menyokong di atas Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pejabat Pos, 1947 adalah peninggalan zaman penjajahan dan sepatutnya Akta ini telah lama dipinda kerana telah berpuluh tahun Akta ini berjalan dan perkembangan pada hari ini begitu pesat sekali. Sebagaimana yang kita tahu, keperluan rakyat terhadap perkhidmatan pos ini semakin meningkat dari semasa ke semasa kerana perkhidmatan pos ini ialah penghubung masyarakat sama ada masyarakat bersama-sama dalam negeri ini ataupun masyarakat dalam negeri ini dengan negeri-negeri luar.

Tuan Yang di-Pertua, masih terdapat pada hari ini perkhidmatan pos ini yang mendukacitakan rakyat terutama sekali rakyat yang tinggal di kampung-kampung baru dan di luar-luar bandar. Saya tidak menafikan dan menyokong pendapat rakan saya pada hari semalam di dalam kawasan pilihanraya saya sendiri terdapat kelewatan kedatangan surat-surat.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Menteri berkenaan akan mengambil perhatian yang berat berhubung dengan satu daerah kecil di dalam kawasan pilihanraya saya sendiri bernama Daerah Kecil Pengerang yang mana Daerah Kecil Pengerang ini telah diisytiharkan oleh Kerajaan Negeri sebagai Daerah Kecil dan sebelum ini memang tidak ada jalan darat untuk ke sana tetapi selepas tahun 1970 setelah Kerajaan, setelah FELDA membuka tanah-tanah untuk dijadikan Rancangan FELDA maka ada satu jalan darat yang menghubungkan di antara bandar Kota Tinggi dengan bandar Pengerang. Apa yang menjadi tandatanya dan menjadi soalan kepada penduduk-penduduk Daerah Kecil Pengerang ini selama ini ialah oleh kerana di zaman lampau sebagaimana saya kata tadi tidak ada jalan darat, jadi surat-surat adalah dihantar ke Pengerang melalui Changi, Singapura. Tetapi yang menjadi pelik lagi sehingga hari ini seolah-olah jalan yang telah dibuat dengan perbelanjaan begitu banyak seolah-olah pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos tidak tahu yang jalan itu telahpun wujud semenjak 1970 dan sehingga hari ini surat-surat masih dihantar melalui Singapura, sedangkan antara bandar Pengerang dan Kota Tinggi hanya 60 batu, Tuan Yang di-Pertua. Sejauh 60 batu itu surat-surat, kalau dihantar melalui pos daripada bandar Kota Tinggi untuk sampai ke bandar Pengerang memakan masa seminggu sedangkan jauhnya hanya 60 batu. Ini ialah kerana surat tadi pergi dahulu ke Johor Bahru kemudian akan pergi ke Pulau Singapura, kemudian barulah datang ke Daerah Kecil Pengerang. Jadi saya harap supaya ada di dalam makluman Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mulai daripada tahun ini surat-surat itu tidak lagi dihantar melalui Singapura kerana akan ditertawakan orang, dari satu daerah ke satu daerah kita mengirimi surat kita terpaksa berbelit melalui Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini di dalam kawasan pilihanraya saya dan juga saya percaya di kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dengan adanya kemajuan-kemajuan Rancangan Tanah Persekutuan iaitu FELDA telah banyak dan kampung-kampung baru ini begitu pesat membangun dan penambahan penduduk begitu pesat. Apa yang mendukacitakan perkhidmatan pos pada hari ini

terutama di kampung-kampung baru ini adalah kurangnya pos bergerak. Jadi, saya harap dapat kiranya pihak Kementerian menambah lagi peruntukan bagi mewujudkan pos-pos bergerak ini supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, di dalam kawasan saya ada rancangan kampung-kampung baru ini yang 30 batu jauhnya daripada bandar Kota Tinggi. Jadi yang ada kadang-kadang hanya wakil pos dan perkhidmatan pos selama ini yang saya lihat bahawa beg-beg surat daripada wakil-wakil pos ini dihantar ke pusat melalui bas iaitu dikirim melalui bas. Kalau bas itu lambat hantar, lambatlah surat itu sampai, kalau bas itu cepat menghantar maka cepatlah surat itu sampai. Jadi, saya sukalah mencadangkan kepada Kementerian supaya jangan lagi beg-beg pos ini dihantar melalui bas sama ada bas biasa atau bas ekspres tetapi hendaklah pihak pos daerah itu sendiri mengambil beg-beg pos tadi daripada wakil-wakil pos yang ada di luar-luar bandar, kerana ini saya percaya lebih menjamin dan tidak akan terjadi sebagaimana yang dikatakan oleh rakan-rakan saya pada hari semalam kehilangan surat-surat dan kadangkala kehilangan surat-surat berdaftar suratnya ada wang di dalamnya tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara saya harap mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan di dalam daerah kawasan pilihanraya saya dalam bandar Kota Tinggi, pada hari ini saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kementerian yang dapat membina sebuah pejabat pos baharu dalam bandar Kota Tinggi. Cuma yang menjadi masalah sekarang bangunan lama, jadi bangunan lama iniuduknya di tengah-tengah bandar Kota Tinggi dan pada hari ini pihak Majlis Daerah tidak dapat menggunakan bangunan ini. Jadi kalau dapat pihak Kementerian melepaskan bangunan yang lama ini dengan sebab sudah ada bangunan baharu, jadi serahkan balik semula kepada Majlis Daerah Kota Tinggi supaya dapat dijadikan pejabat-pejabat, umpamanya, perpustakaan awam, pejabat belia dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini sekali lagi saya mengatakan, saya menyokong Akta pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

3.44 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya turut bersama-sama menyokong Suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos, 1947. Saya berpendapat sudahlah sewajarnya pindaan ini dibuat oleh kerana sudah begitu lama dan dengan adanya pindaan ini dapatlah diubahsuaikan bahagian-bahagian yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar iaitu ada kalanya surat-surat lewat sampai pada masa yang sepatutnya sampai, ini kita tidak tahu siapa yang salah, pihak pegawai atau pihak menghantar surat iaitu posmen. Ada juga kadang-kadang patut surat itu diberi pada petang itu kadang-kadang seorang posmen itu berasa letih atau rasa malas hendak pergi mungkin disimpan pada esok harinya. Tuan Yang di-Pertua, di masa ini saya nampak banyak perubahan telah berlaku. Misalnya, kekurangan kehilangan wang yang dihantar dengan register dan boleh dikatakan perjalanan pentadbiran adalah memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan tiap-tiap posmen diberi pinjaman untuk membeli motosikal kerana banyak lagi mereka menggunakan basikal, ini boleh mempercepatkan lagi penghantaran surat-surat dan begitu juga barang-barang kepada pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak juga banyak pejabat pos tidak mempunyai cukup kakitangan. Saya katakan begitu, sebab di pejabat pos selain dari urusan menjual stem, menerima dan menghantar keluar bungkusan-bungkusan secara berdaftar, membayar pencen, menerima bayaran lesen radio dan televisyen, menguruskan simpanan bayaran Bank Nasional serta menjual tiket-tiket loteri, sungguh banyak perkara-perkara yang dibebankan kepada pejabat pos. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan patut memberi perhatian untuk menambah kakitangan ini. Begitu juga dengan kereta-kereta pos bergerak. Kadangkala oleh kerana tidak cukupnya kereta pos bergerak ini banyak kampung-kampung di luar bandar tidak dapat menikmati hantaran surat dengan pos bergerak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya Kementerian ini dapat mengeluarkan setem-setem yang bercorak baharu dengan warna-warni yang menarik kerana ada orang-orang yang suka mengumpul setem dan juga pelancung-pelancung suka membeli setem dari negara-negara yang mereka melancung.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan segenap lapisan pekerjaan ada wanita iaitu beliawanis mengambil bahagian. Saya rasa jawatan posmen ini pun boleh diberi kepada wanita atau beliawanis yang lepasan sekolah di peringkat SRP dan juga di peringkat SPM kerana menunggang basikal dan motosikal ini adalah perkara biasa sedangkan menjadi Polis, menjadi Askar Wataniah, memikul senjata yang berat telah dibuat oleh wanita.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya pohon tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, bila agaknya pejabat pos di Kota Kuala Muda akan dibina kerana sampai sekarang belum nampak binaan itu dan saya harap patutlah disegerakan kerana permintaan ini sudah lama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar.

3.47 ptg.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dan menyokong Suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan untuk mengemukakan Seksyen 90a, 90b, dan 90c adalah perlu dipinda kerana seksyen yang baharu ini bertujuan untuk memberi kuatkuasa kepada pegawai-pegawai tinggi di Pejabat Pos, iaitu untuk menyiasat apa-apa kesalahan yang telah dilakukan terhadap Akta ini. Pindaan ini ialah baik tetapi sepatutnya seksyen ini lama sudah dikemukakan dan diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sarawak kalau dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia masih jauh ketinggalan di dalam rancangan jalanraya. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya banyak pejabat pos yang kecil dan tidak ada jalanraya

seperti di Lingga, Sebuyuh dan Meludam. Dan di kawasan yang lain pun didapati masih banyak pejabat pos yang kecil itu tidak ada jalanraya dan semua surat-surat itu dihantar dengan motor-launch ataupun long boat. Pusat Pejabat Pos di kawasan itu seperti di kawasan saya di Batang Lupar tidak dapat menghantar surat tiap-tiap hari, kadang-kadang satu minggu sekali baharulah surat itu dihantar kepada pejabat pos yang kecil itu. Dan dari pejabat pos yang kecil itu baharulah surat itu dihantar kepada penerimanya. Ini sudah mengambil masa tidak kurang dari 10 hari dan ini sudah menjadi satu masalah. Masalahnya ialah tidak ada jalanraya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah ini saya berharap Kerajaan akan mengambil tindakan yang lebih berat untuk menambahkan jalanraya kepada pejabat pos yang kecil itu di mana yang betul-betul tidak ada jalanraya. Selain dari itu, kalaulah kita baca dalam suratkhbar ataupun kalau kita tengok dalam televisyen iaitu doctor udara atau flying doctor mengeluarkan tidak kurang dari seminggu sekali mengadakan program-program melawat di kawasan luar bandar. Dan saya fikir kalaulah dapat kawasan-kawasan yang dilawati oleh doktor udara itu patutlah disediakan dengan satu peti surat (letter box), dan yang kedua, patutlah Kerajaan memberi satu agen untuk menjual setem supaya dapat memberi kemudahan-kemudahan kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga, ingin saya menyentuh berkaitan dengan surat-surat dari jabatan Kerajaan. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat yang lain yang mengatakan bahawa perkhidmatan di Pejabat Pos itu patutlah dilatih dengan lengkap supaya cukup disiplin. Saya selalu diberitahu oleh orang ramai berkaitan dengan kelambatan surat-surat dari Kerajaan yang memanggil waktu interview. Selalunya berlaku di kawasan saya, kadang-kadang seminggu tempoh interview itu lepas, baharulah surat panggilan itu sampai kepada mereka.

Saya berpendapat bahawa surat panggilan itu patut ditulis di belakang "Dengan Segera" (Urgent) dengan pensil merah supaya Perkhidmatan Pos dapat faham dan mereka dapat menjalankan tugas-tugas dengan secepat mungkin. Di sini saya merayu kepada

Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dapat mengambil perhatian dan dapat memberi arahan kepada Suruhanjaya supaya bila memanggil seseorang untuk interview, surat itu mestilah ditulis "Segera".

Akhir sekali saya menyokong Akta Pejabat Pos ini.

Tuan Yang di-Pertua: Padang Rengas.

3.52 ptg.

Tuan Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama menyokong usul untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947 yang telah dibentangkan oleh Menteri Tenaga, Talikom dan Pos di Dewan ini semalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyampaikan terima kasih saya kepada pihak Kementerian ini dan juga pegawai-pegawai serta kakitangan di Pejabat Pos yang telah banyak mengambil bahagian di dalam menguruskan kepentingan rakyat terutama sekali di kawasan luar bandar sebagaimana di kawasan saya iaitu ialah Jabatan Pos di negara kita ini sepertimana dalam pengurusan kiriman, surat kiriman wang, telegram, bayaran-bayaran telepon, api, pencen, gaji untuk isteri-isteri atau ibubapa perajurit kita di luar bandar dan sebagainya. Walaupun demikian, Tuan Yang di-Pertua, di dalam kesempatan ini, saya ingin menimbulkan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh penduduk-penduduk di luar bandar terutama sekali di kawasan saya supaya mendapat perhatian daripada pihak Kementerian yang berkenaan iaitu yang pertamanya berhubung dengan kiriman telegram ke luar-luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kebiasaannya di luar bandar posmen menyampaikan surat atau bungkusan ke kampung-kampung kebiasaannya dibuat di sebelah pagi, oleh kerana sebelah petang mereka terpaksa menjalankan kerja-kerja pejabat iaitu apakala sebelah petang mail yang membawa surat terpaksa diproses. Perkara ini kerap berlaku iaitu kebiasaannya jika telegram yang hendak dihantar ke kampung-kampung sampai di sebelah petang, kebiasaannya posmen tidak dapat menghantar pada hari tersebut oleh kerana pihak Ketua Jabatan Pos tidak ada kuasa untuk meminta posmen itu juga lagi

sekali masuk ke kampung tersebut supaya menyampaikan telegram yang dihantar oleh pihak yang berkenaan ke kampung-kampung. Jadi saya berharap supaya pihak Kementerian ini dapat memberi kuasa kepada Ketua-ketua Jabatan Pos supaya meminta posmen-posmen mengulang masuk lagi sekali ke kampung yang berkenaan bagi menyampaikan telegram yang penting dengan cara membayar overtime atau sebagainya.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah berhubung dengan kiriman wang melalui surat berdaftar ke luar-luar bandar yang telah dibatalkan kiriman wang melalui surat berdaftar ini dengan cara digantikan dengan kiriman wang yang telah banyak menimbulkan kesulitan kepada penerima-penerima kiriman wang di luar bandar oleh kerana kampung-kampung pendalaman mereka terpaksa ke luar ke Pejabat-pejabat Pos yang jauh untuk menukar kiriman wang yang dikirim ke kampung-kampung yang terpaksa memakan belanja yang banyak dan juga terpaksa meninggalkan kerja hariannya. Saya berharap jika tidak dapat kiriman wang ini sebagaimana yang dilakukan pada masa yang lalu saya berharap pihak Kementerian berkenaan dapat memikirkan satu cara mana supaya masalah kiriman ke kampung pendalaman ini dapat dilakukan bagi kemudahan penduduk-penduduk luar bandar.

Perkara yang ketiga, saya juga hendak menimbulkan sebagaimana yang telah ditimbulkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain iaitu di luar bandar penggunaan motosikal oleh posmen-posmen adalah amat perlu, kerana kampung-kampung hendak disampaikan oleh posmen ini sangatlah jauh. Jadi dengan sebab itu seboleholehnya peruntukan motosikal ini hendaklah diadakan sama banyak dengan ramainya posmen-posmen yang ada di Pejabat-pejabat Pos di luar bandar ini untuk kemudahan mereka menggunakannya. Pada hari ini, kebanyakan posmen terpaksa menggunakan motosikal dengan perbelanjaannya sendiri.

Bagaimana kata Yang Berhormat dari Sungai Petani tadi jika boleh pihak Kementerian ini memberi pinjaman untuk membeli motosikal. Saya cadangkan, jika tidak boleh pihak Kementerian ini mengadakan motosikal yang cukup atau pinjaman wang, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian ini

dapat mengadakan peruntukan wang elaun perjalanan diberi kepada posmen-posmen yang menggunakan motosikal sendiri ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya juga hendak menimbulkan iaitu berhubung dengan pakaian seragam posmen-posmen kita di negara kita ini. Berhubung dengan pakaian seragam ini, ada rungutan ditimbulkan bahawa warna uniform yang dipakai oleh posmen kita ini warna kelabu asap itu tidaklah sesuai dengan keadaan hawa negeri kita ini dan warna ini nampak tidak begitu hebat dan menarik hati, begitu juga topi atau cupiau yang digunakan oleh posmen kita hari ini tidaklah sesuai. Saya mencadangkan supaya pihak Kementerian ini memikirkan supaya warna pakaian posmen dan begitu juga cupiau yang digunakan oleh posmen itu supaya direka dengan potongan dari warna yang lebih menarik lagi. Begitu juga topi yang digunakan oleh posmen pada hari ini tidak begitu sesuai digunakan oleh posmen-posmen yang menunggang motosikal.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali saya hendak membangkitkan masalah bangunan Pejabat-pejabat Pos di luar bandar. Dalam kawasan saya Padang Rengas, ada dua buah Pejabat Pos yang terlalu uzur, iaitu yang telah dibangunkan mengikut pengetahuan saya sejak Jabatan Pos diwujudkan di negara kita ini lagi, sebuah di pekan Padang Rengas dan sebuah lagi di Pekan Lenggong dalam daerah Hulu Perak.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua Pejabat Pos ini bukan sahaja terlalu uzur tetapi adalah tidak sesuai lagi dengan perkembangan pembangunan di daerah-daerah yang tersebut oleh kerana terlalu sempit dan juga kedua-dua pejabat Pos ini tidak mempunyai kakitangan yang cukup terutama sekali dalam jawatan perkeranian. Dengan sebab itu saya merayu kepada pihak Kementerian dalam Dewan yang mulia ini dapat menimbangkan perkara ini dengan sebaik-baiknya oleh kerana beberapa tahun yang lalu pihak Kementerian ini telah mencadangkan supaya di daerah Ulu Perak iaitu Kroh, Grik dan Lenggong dibangunkan pejabat pos yang baru. Tetapi sampai hari ini pejabat pos ini tidak diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan saya lagi sekali menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sandakan.

4.01 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak cuba langsung bercakap dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Fung Ket Wing: Tidak pandai.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau National Language Act dipinda macam mana? Cuba sedikit, ini tidak cuba langsung!

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan Fung Ket Wing: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I rise to speak on the Post Office (Amendment) Bill which was presented to this House by the Honourable Minister concerned yesterday.

Mr Speaker Sir, after hearing all those who spoke before me I regret to say that Sabah is receiving less benefits from the postal services provided in the same country. In Semenanjung Malaysia mails are delivered to the recipients' houses, but it is not so in the case of Sabah. We are not that lucky at all. We are still using the Post Box System, or lately, the mail bag system is being introduced. People have to travel from the kampung to the town to get their mails either from their own post office boxes or mail bags. This has caused great delay and inconvenience to the public.

Mr Speaker, Sir, last year the Post Office authority issued a notice to all post office box holders that the post office boxes are restricted for the use of the holders only. Mr Speaker, Sir, the post office boxes and mail bags are insufficient compared with the population of Sabah. Many people do not have a chance to get a post box or a mail bag and also the kampung people do not have that many letters which require a post office box or a mail bag. All their letters are sent through friends' post office boxes or mail bags. If this is going to be implemented, then all those who have no post office box or mail bag will be cut off completely from communication with their friends or relatives or business associates.

Mr Speaker, Sir, I humbly request the Minister to give instructions not to enforce such restrictions in Sabah as this will cause trouble and inconvenience to the people of Sabah and at the same time to look into ways and means to introduce a house delivery system of mail in Sabah at the earliest convenience. After all we in Sabah pay the same rate of stamp charges for our mails like all other citizens in Semenanjung Malaysia and should enjoy the same benefit like those enjoyed in Semenanjung Malaysia. Otherwise we feel that we are being discriminated against or neglected.

Mr Speaker, Sir, the other point that I would like to touch on is the delay in the ordinary mail and express mail. All mails sent from Semenanjung Malaysia to Sabah or from Sarawak to Sabah take one week or ten days to reach and in some cases even three weeks. Mr Speaker, Sir, mail sent from the United Kingdom to Sabah normally take only one week to reach Sabah and there is no reason why mail sent within our own country takes a longer time, yet United Kingdom is thousands of miles away and Sabah is in the same country.

Mr Speaker, Sir, express mails are charged at a higher rate for fast and urgent service in order to meet the requirement of the sender. We in Sabah have experienced that ordinary mail is faster than express mail in all cases. Mr Speaker, Sir, people who pay higher rates expect special, fast and efficient service, but it has become slower. I would like the Ministry to look into this matter and ensure that this situation will not arise at all.

Mr Speaker, Sir, many complaints have been received that mails in transit have gone astray. This also includes Government letters and they have been left unchecked in the past years. Our request is that the Minister should take steps to safeguard any further loss of mail in future.

Mr Speaker, Sir, the last point I would like to touch on is the Post Office Parcel Department. Besides delay, many parcels are either missing or opened. In the latter case, the number of articles contained in the parcel are incorrect. Last August—I think it is the first time in history—a Parcel Office in Sandakan was burnt down completely. Losses were estimated at more than a million dollars. All those working in the Parcel Department in

Sandakan were detained by the Police for investigation. This led to the discovery of many of the lost articles reported.

Mr Speaker, Sir, this is a very serious matter. I would request the Minister to take security measures to ensure the safe arrival of mails and parcels and anybody who is found to have tampered with any mails or parcels should be prosecuted and a heavy penalty be imposed to safeguard the public interest. Also the Government should look into the possibility of paying compensation for losses suffered by the public.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menjawab.

4.08 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, setelah mengikuti perbahasan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947 pada hari semalam dan pada hari ini, bolehlah dikatakan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap berhubung dengan Rang Undang-undang ini telah menyokong baik daripada segi tujuan Rang Undang-undang ini dibentangkan ataupun daripada segi fasal-fasal yang termaktub dalam Rang Undang-undang ini.

Saya ingin mengulas beberapa perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang boleh dikatakan sebahagian besar daripada mereka telah membangkitkan mengenai masalah kelewatan menghantar surat-surat daripada satu tempat ke satu tempat. Dalam perkara kelewatan menghantar surat-surat, saya rasa kita perlu sedar bahawa dalam satu perkhidmatan seperti perkhidmatan pos di dalam negara kita ini yang mana perkhidmatan pos mengendalikan lebih daripada satu ribu juta pucuk surat pada tiap-tiap tahun; barang sudah tentu akan terdapat kelewatan berhubung dengan penghantaran mel-mel dan surat-surat kepada tempat-tempat di dalam negara kita ini. Apa yang perlu kita ambil perhatian dan kita perhitungkan ialah sama ada kelewatan ini merupakan perkara biasa ataupun merupakan perkara luar biasa.

Saya suka di sini memberi sedikit perangkaan berhubung dengan jumlah surat-surat yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos pada tiap-tiap tahun.

Dalam tahun 1976 sebanyak 942,000,000 pucuk surat telah dikendalikan oleh Jabatan Pos. Dalam tahun 1977 sebanyak 1,025,000,000 pucuk surat dan dalam tahun 1978 1,121,000,000 pucuk surat telah dikendalikan oleh Jabatan Pos. Dan daripada jumlah ini jumlah aduan yang telah diterima oleh Jabatan Pos secara rasmi adalah seperti berikut:

1976	35
1977	36
1978	45

Kalau dipandang daripada segi perangkaan adalah jelas bahawa aduan-aduan yang diterima secara rasmi oleh Jabatan Pos berbanding dengan jumlah surat-surat dan mel-mel yang dikelolakan oleh Jabatan Pos adalah sangat kecil sekali.

Oleh sebab itu, Kementerian saya berpendapat bahawa Jabatan Perkhidmatan Pos yang bertanggungjawab untuk mengendalikan mel-mel dan surat-surat di dalam negara kita telahpun menjalankan tugas-tugas mereka dengan bersungguh-sungguh.

Saya suka juga mengambil kesempatan untuk menerangkan dasar mengenai objektif ataupun keterangan mengenai objektif Kementerian berhubung dengan matlamat dari segi pencapaian matlamat operasi yang diharapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Pos. Adalah menjadi satu dasar yang telah ditetapkan bahawa semua surat-surat yang dihantar kepada destinasi dalam satu-satu bandar hendaklah sampai dalam masa 24 jam. Umpamanya surat-surat yang dihantar kepada destinasi di Kuala Lumpur ataupun daripada Kuala Lumpur ke Petaling Jaya ataupun dalam bandar Kangar sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar semalam ataupun dalam bandar Alor Setar hendaklah sampai dalam jangka masa 24 jam. Dan kalaulah diselidiki daripada perangkaan pula bolehlah dikatakan sebahagian besar daripada surat-surat dan mel-mel telah mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh Kementerian saya.

Di samping itu juga peredaran mail dan surat-surat daripada bandar-bandar yang tertentu umpamanya daripada bandar Johor Bahru ke Kuala Lumpur ataupun daripada Alor Setar ke Pulau Pinang ataupun daripada bandar Kuantan ke Kota Bharu hendaklah sampai dalam jangka masa 24 jam. Ini boleh dicapai kerana bandar-bandar tersebut mempunyai perhubungan udara yang terus dan di samping itu juga sebahagian besar daripada surat-surat dan mel-mel juga dihantar melalui kenderaan kepunyaan Jabatan Pos sendiri.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya memanglah sedar barangkali dari masa ke semasa dan dalam beberapa kes akan terdapat kelewatan yang tidak mengikut jadual ataupun objektif yang telah ditetapkan oleh Kementerian saya. Setelah siasatan dijalankan berhubung dengan kes-kes yang tertentu bolehlah dikatakan bukan kesemua kes-kes kelewatan penghantaran surat-surat dan mel-mel adalah disebabkan oleh kecuaiannya Jabatan Perkhidmatan Pos. Umpamanya apabila kita hendak menghantar sepucuk surat barangkali kita mengarah kepada Pegawai Pentadbiran ataupun kepada Setiausaha kita untuk menghantar surat itu kepada tempat yang kita hendak hantar dan barangkali atas sebab-sebab tertentu pegawai ataupun kakitangan yang telah diarah supaya menghantar surat-surat tersebut tidak menjalankan tugasnya dengan segera dan oleh sebab itu barangkali surat-surat tersebut telah disimpan dalam pejabat-pejabat beberapa hari sebelum dihantar.

Sebahagian besar daripada kes-kes yang telah disiasat oleh Jabatan Pos adalah merupakan kesalahan yang berlaku bukan oleh Jabatan Pos tetapi berlaku di tempat-tempat dan pihak-pihak yang menghantar surat-surat tersebut.

Selain daripada itu berlaku juga dalam kes-kes tertentu yang mana alamat-alamat yang ditulis di sampul surat tidak merupakan alamat-alamat yang tepat dan di samping itu juga kadangkala pos-kod tidak juga ditulis bersama dengan alamat-alamat surat yang hendak dihantar itu. Ini semua merupakan faktor-faktor yang boleh melambatkan penghantaran dan penyampaian mel di dalam negara kita ini.

Pihak Jabatan Pos selalu menjalankan ujian dengan menggunakan kad-kad ujian yang diposkan dalam beberapa tempat di dalam negara kita untuk menilai seberapa cepat sesuatu surat itu boleh dikendalikan oleh Jabatan Pos.

Saya suka menyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya memang memandang berat kepada soal kelambatan penghantaran surat-surat dan mel-mel dan siasatan dan tindakan yang tegas dan serius akan diambil dalam tiap-tiap kes yang diadu kepada pihak Jabatan Pos. Oleh itu saya inginlah merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kepada pihak orang ramai jikalau mendapati bahawa surat-surat yang mereka terima itu lewat daripada jadual yang telah saya huraikan sebentar tadi hendaklah membuat laporan kepada Jabatan Pos supaya siasatan akan dapat dijalankan oleh pihaknya.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai soal surat yang hilang ataupun wang tunai yang dikirim melalui surat-surat tidak sampai kepada destinasiya. Saya sukalah memaklumkan bahawa dalam segi ini Jabatan Pos tidak menggalakkan pihak orang ramai untuk menghantar wang tunai dalam surat-surat ke mana-mana tempat di dalam negara kita ini. Ini adalah sebab kemudahan-kemudahan yang lain yang boleh menjamin supaya wang yang kita hendak hantar itu akan sampai telahpun disediakan oleh pihak Jabatan Pos, iaitu khasnya Perkhidmatan Kiriman Wang (Money Order) dan Postal Order. Oleh sebab itu, pihak Jabatan Pos telahpun mengeluarkan arahan ataupun mengadakan sebagai satu ketetapan mulai daripada 1hb Ogos, 1977 melarang pihak orang ramai mengirinkan wang tunai melalui Pos Berdaftar dan orang ramai adalah digalakkan menggunakan Perkhidmatan Kiriman Wang (Money Order) dan Postal Order. Syarat-syarat yang telah dikenakan ini adalah merupakan syarat-syarat yang akan menjamin keselamatan dan kepentingan orang ramai.

Saya suka juga memberi perangkaan berhubung dengan pampasan yang telah dibayar kepada pihak orang ramai yang telah mendapat kesusahan ataupun kerugian

bersabit dengan wang tunai yang telah dihantar dalam surat-surat iaitu:

	<i>Tahun</i>	<i>Banyak</i>
1976	\$27,631
1977	\$16,297
1978	\$ 2,819

Ini bererti bahawa semenjak syarat yang baru saya telah katakan tadi telah berkuatkuasa maka pihak orang ramai tidak lagi menghadapi kerugian daripada wang tunai mereka tidak sampai kepada pihak-pihak yang mereka tuju.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan mengenai kehendaknya ataupun permintaannya supaya Jabatan Pos mendirikan Pejabat-pejabat Pos Kecil di tiap-tiap kawasan perumahan.

Saya suka menyatakan bahawa tindakan telahpun diambil oleh Jabatan Pos untuk mengadakan Pejabat-pejabat Pos Kecil di kawasan-kawasan perumahan umpamanya di kawasan Wilayah ini, seperti di Taman Tun Dr. Ismail, Taman Taynton View, Cheras dan Bangsar Park.

Masalah yang berbangkit daripada usaha untuk mewujudkan Pejabat Pos Kecil di kawasan-kawasan perumahan iaitu setengah-setengah pengusaha-pengusaha perumahan menentukan sewa yang terlampau tinggi kepada Pejabat Pos. Inginlah saya menyeru kepada mereka supaya bersikap lebih menasabah dan mementingkan kepada kepentingan pihak orang ramai dan tidak lagi menentukan kadar sewa kepada tapak-tapak di kawasan perumahan mereka dengan kadar yang terlalu tinggi yang tidak boleh diterima oleh Pejabat Pos.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah menyatakan bahawa keadaan Pejabat Pos di Alor Setar adalah dalam keadaan kesesakan dan pada masa ini terutama sekali pada akhir bulan terdapat pihak orang ramai terpaksa menunggu begitu lama, kadangkala sampai ke tepi jalan mereka berbaris untuk membeli stem daripada pihak Pejabat Pos.

Saya ingin memaklumkan bahawa Jabatan Pos telahpun mengambil tindakan untuk menyediakan satu tapak baru bagi pembinaan

Pejabat Pos baru bagi Alor Setar, dan adalah diharapkan bahawa projek ini akan dapat kita selesaikan dalam Rancangan Malaysia Yang Keempat. Dalam pada itu semasa menunggu pelaksanaan Pejabat Pos baru, Jabatan Pos akan mengambil tindakan yang sewajarnya seperti menambahkan lagi pegawai-pegawai dan kakitangan dan meluaskan lagi ruangan di Pejabat Pos, Alor Setar, supaya pihak orang ramai tidak akan menunggu begitu lama untuk mendapat perkhidmatan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh berkenaan dengan warna yang digunakan oleh Jabatan Pos ini dikatakan tidak memancar kilatnya seperti warna yang digunakan oleh Jabatan Bomba. Dalam soal warna ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah merupakan soal yang berbentuk subjective, iaitu bergantung kepada nilai dan kesukaan seseorang individu itu. Ada orang yang suka pada merah tua, ada orang yang suka kepada merah muda. Tetapi apa yang perlu disedari ialah kita hendak mencapai matalamat supaya van-van dan kenderaan Jabatan Pos ini dapat dikenali oleh pihak orang ramai dengan mudah. Itulah sebabnya kita telah memilih satu warna yang barangkali kita nampak ataupun kita lihat daripada jarak yang jauh kita dapat kenal bahawa itu adalah kenderaan kepunyaan Jabatan Pos dan seperti sebuah agensi yang merupakan orang perantara di antara pihak Kerajaan dan orang ramai sepertimana yang telah diulas secara panjang lebar oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar waktu semalam adalah penting supaya Jabatan Pos dapat dikenali ataupun kenderaan-kenderaannya daripada jarak yang jauh dan oleh sebab itulah telah memilih warna merah tua menjadi warna rasmi kepada Jabatan Pos. Walau bagaimanapun jikalau warna itu sudah malap maka Jabatan Pos akan mengambil tindakan supaya kita akan mengecat kenderaan-kenderaan kita barangkali lebih kerap lagi daripada masa-masa yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Menglembu seperti kelaziman telah cuba untuk menyalah tafsirkan tujuan Rang Undang-undang ini dibentangkan dalam Dewan ini. Beliau telah mendakwa dan telah memberi bayangan dan gambaran bahawa kakitangan di dalam Jabatan Pos tidaklah merupakan mereka yang bertanggungjawab malah merupakan mereka yang curang dan suka melakukan kesalahan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menolak dengan sekeras-kerasnya dakwaan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu itu kerana sebenarnya kadar ataupun denda yang telah dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang ini adalah merupakan perubahan kepada kadar yang telah ditetapkan pada tahun 1947. Oleh sebab itu supaya kita tidak ketinggalan zaman maka kadar bayaran ataupun kadar denda yang ditetapkan bersabit dengan kesalahan-kesalahan dalam Rang Undang-undang ini telahpun diubah dan dinaikkan oleh pihak Kerajaan dan ini merupakan satu perkara yang kita hendak menyesuaikan kadar bayaran dan kadar denda mengikut zaman.

Begitu juga mengikut kelaziman Ahli Yang Berhormat itu suka membangkitkan perkara remeh-temeh, perkara kecil hendak diperbesarkan ibarat kata: air secawan hendak dijadikan lautan. Beliau menyatakan dan membangkitkan mengenai masalah posmen yang digigit oleh anjing semasa posmen itu menjalankan tugas-tugasnya. Barangkali Ahli Yang Berhormat itu sendiri menyimpan anjing di rumahnya, oleh sebab itu beliau sedar akan kedudukan ini. Saya suka menyatakan bahawa kita perlulah mengatasi masalah posmen digigit oleh anjing sepertimana kita perlu mengatasi Ahli-ahli Yang Berhormat yang suka menyalak dan menggigit orang lain di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu beberapa Ahli Yang Berhormat lain telah membawa teguran-teguran yang berguna seperti Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh yang membangkitkan mengenai masalah kekurangan pegawai-pegawai dan beliau telah mengesyorkan supaya beban yang dipikul oleh Pejabat Pos dapat dikurangkan dengan agensi-agensi lain dan pihak-pihak yang tertentu mengambil alih tugas-tugas yang pada masa ini dikelolakan oleh pihak Jabatan Pos. Syor ini perlulah dilihat daripada dua segi; satu daripada segi kekurangan bebanan dan tanggungjawab yang dipikul oleh Jabatan Pos dan satu lagi daripada segi sama ada ini akan menguntungkan pihak orang ramai kerana kalau kita kaji dalam perkara ini dengan lebih teliti kita mahu pihak orang ramai dapat perkhidmatan yang sebaik-baiknya, khasnya dalam segi kemudahan yang dapat dinikmati oleh pihak orang ramai dalam satu bangunan,

iaitu segala-gala perkhidmatan dan segala-gala urusan yang mana mempunyai penglibatan dengan pihak orang ramai sebaik-baiknya ditempatkan dalam satu bangunan supaya pihak orang ramai tidak payah berpindah daripada satu bangunan kepada satu bangunan yang lain untuk menjelaskan bayaran-bayaran berhubung dengan kemudahan-kemudahan asas yang perlu diselesaikan pada tiap-tiap bulan. Oleh sebab itulah pihak Kementerian saya tidak menggalakkan kemudahan-kemudahan yang ada di bawah Kementerian saya dipindahkan kepada agensi-agensi yang lain ataupun kepada bangunan yang lain supaya pihak orang ramai tidak akan memikul bebanan yang lebih berat untuk menjelaskan bayaran-bayaran mereka pada tiap-tiap bulan.

Apa yang perlu ialah tindakan dengan pihak-pihak yang berkenaan, khususnya pihak agensi-agensi pusat seperti pihak PSD dan pihak Perbendaharaan untuk menambah lebih banyak lagi pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan di Jabatan Pos di seluruh negara kita dan tindakan akan diambil dari masa ke semasa oleh Kementerian saya supaya bilangan kakitangan bukan sahaja dapat ditambahkan lagi bahkan prestasi dan tugas-tugas yang dijalankan oleh kakitangan Jabatan Pos akan dapat dibaiki dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai soal uniform kakitangan ataupun posmen-posmen yang dikatakan tidak begitu menarik. Saya suka menjelaskan di sini bahawa uniform yang dipakai pada masa ini oleh pegawai ataupun kakitangan Jabatan Pos yang berseragam adalah merupakan pakaian yang telah direka pada tahun 1971 untuk menggantikan pakaian seragam yang lama, iaitu telah kita kemukakan untuk penggunaan pada tahun 1971 dan uniform ini adalah berwarna kelabu asap dan pada masa ini secara rasmi daripada kakitangan berseragam melalui saluran rasmi kita belum lagi mendapat apa-apa bantahan ataupun apa-apa cadangan supaya pakaian ini diganti sama ada dengan bentuk yang baru ataupun dengan warna yang lain. Pada masa ini mereka dapati bahawa uniform dengan menggunakan kain polyester ini merupakan uniform yang selesa dan mereka belum lagi membuat apa-apa cadangan ataupun bantahan terhadap uniform

yang mereka gunakan pada tiap-tiap hari. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian saya akan berunding dengan pihak-pihak kakitangan berseragam dalam Jabatan Pos sama ada mereka mempunyai pandangan-pandangan dan syor-syor mengenai pakaian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang soal kelewatan penerimaan surat-surat di dalam kawasan-kawasan desa, kawasan-kawasan luar bandar yang terpencil dan pihak Kementerian saya memang mengakui bahawa di dalam kawasan-kawasan yang terpencil barangkali keadaan ini berlaku dan saya suka menjelaskan bahawa pihak Wakil-wakil Pos yang tertentu mempunyai posmen ataupun posmen sambilan yang diberi tugas untuk menyerahkan surat-surat kepada pihak yang telah dialamatkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda telah menyentuh tentang soal Wakil Pos yang tidak membuka urusan kepada pihak orang ramai. Saya suka menjelaskan bahawa arahan telahpun dikeluarkan oleh Jabatan Pos kepada Wakil-wakil Pos di seluruh negara kita supaya membuka urusannya mengikut jadual Jabatan Pos ataupun Jabatan-jabatan Kerajaan. Oleh itu jikalau Ahli Yang Berhormat itu masih lagi dapati keadaan yang tidak mengikut arahan yang telah dikeluarkan itu bolehlah berhubung dengan Kementerian saya untuk diambil tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah melahirkan hasrat dan harapan supaya pos-pos bergerak akan dapat ditambahkan lagi kepada kawasan-kawasan luar bandar. Saya suka menyatakan bahawa langkah-langkah tertentu akan diambil oleh pihak Kementerian saya supaya lebih banyak lagi pos-pos bergerak akan dapat sampai kepada kawasan-kawasan luar bandar.

Berhubung dengan beberapa cadangan yang lain seperti menggantikan basikal yang digunakan oleh posmen-posmen pada masa itu dengan motosikal, pihak Kementerian saya tidak dapat memberi pinjaman kepada pihak kakitangan untuk membeli motosikal mereka sendiri tetapi Jabatan Pos akan mengambil tindakan supaya di mana-mana tempat yang difikirkan perlu digantikan basikal-basikal dengan motosikal.

Saya suka menjelaskan bahawa di dalam kawasan-kawasan yang tertentu terutama sekali di kawasan-kawasan bandar termasuk bandar-bandar yang kecil barangkali urusan penghantaran mail ini akan dapat dikendalikan dengan lebih baik dengan menggunakan basikal daripada menggunakan motosikal.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah meminta bahawa Jabatan Pos mencontohi agensi-agensi yang lain untuk membuka perkhidmatan posmen ini dengan pos-pos wanita. Saya akan mengkaji syor yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi secara spontan saya suka menyatakan bahawa saya sendiri berpendapat bahawa kaum wanita ada bahagiannya sendiri dalam berbagai-bagai urusan di dalam negara kita ini dan barangkali dalam menjadi kakitangan di sebelah kaunter sebagai kerani dan sebagainya adalah merupakan urusan yang lebih tepat dan lebih sesuai kepada pihak wanita. Walau bagaimanapun saya tidaklah merupakan pihak yang anti kepada hak wanita dan akan mengkaji dengan teliti cadangan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Panti telah melahirkan perasaan tidak puas hatinya kerana penghantaran mail kepada daerah Pengerang yang merupakan satu daerah baru adalah dikelolakan melalui Changi di Singapura. Barangkali perkhidmatan ini dikelolakan melalui Changi adalah merupakan yang sesuai daripada segi urusan operasi, tetapi saya sependapat dengan Ahli Yang Berhormat bahawa negara kita tidak lagi sesuai menggunakan perkhidmatan pos melalui sebuah negara asing. Oleh sebab itu, Kementerian saya akan mengkaji kemungkinan kita menghantar mail kepada daerah Pengerang mengikut jalan yang dikatakan sudahpun siap semenjak tahun 1971 lagi.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyatakan berkenaan dengan bangunan-bangunan yang uzur. Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah bertanya berkenaan dengan Pejabat Pos di Kuala Muda. Sebenarnya masalah berkenaan dengan pembinaan Pejabat Pos itu ialah kerana walaupun tender telah dikeluarkan tiga kali tetapi adalah didapati bahawa harga yang telah diterima terlampau tinggi ataupun

terlampau rendah. Oleh sebab itu pihak JKR telah mengeluarkan tawaran ataupun tender semula dan adalah diharapkan pelaksanaan projek ini akan dapat bermula tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya barangkali tidak boleh mengulas satu persatu apa yang telah disentuh oleh ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap dalam perbincangan Rang Undang-undang ini, tetapi perkara-perkara itu akan diselidiki dan dihalusi oleh pihak Kementerian dan apa yang difikirkan patut dilaksanakan, akan diambil tindakan yang sewajarnya.

Saya suka juga menyatakan bahawa dalam perhubungan perkhidmatan pos ini, pihak Kementerian saya memandang berat daripada segi jangka masa yang tidak sepetutnya melebihi jangka masa yang telah ditetapkan sebagai dasar operasi oleh pihak Kementerian saya. Soal ini perlulah diatasi dengan segera dan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh daripada segi kelambatan penerimaan surat-surat dan saya akan menyasiat segala-gala yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PERINDUSTRIAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.50 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membentangkan Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) 1979, untuk bacaan kali yang kedua.

Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Penyelarasan Perindustrian atau ICA telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada bulan Mei, 1975 dan dipinda pada bulan Mei, 1977. Akta ini yang telah dikuatkuasakan sejak 1hb Mei, 1976 bertujuan bagi membantu Kerajaan di dalam pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan mengenai perindustrian, memastikan perkembangan dan kemajuan yang teratur di dalam sektor perindustrian serta memudahkan pengumpulan maklumat-maklumat mengenai perindustrian.

Berikutan daripada pindaan-pindaan yang dibuat ke atas Akta ini pada tahun 1977, Kerajaan telah menerima beberapa pandangan dan cadangan lanjut daripada sektor swasta yang meminta Kerajaan menim-bangkan supaya diadakan beberapa peruntukan tambahan atau dipinda beberapa peruntukan yang terdapat di dalam Akta ini supaya pelaksanaan Akta tersebut dapat memberikan keyakinan yang sepenuhnya kepada para pekilang terhadap Akta ini. Justeru itu, Kerajaan telah mengkaji semula Akta ini dan menimbang pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh sektor swasta. Kerajaan berpendapat bahawa adalah munasabah supaya diadakan beberapa peruntukan tambahan di dalam Akta ini dan dibuat beberapa pindaan terhadap beberapa peruntukan-peruntukan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mengambil peluang di sini bagi menghuraikan beberapa pindaan utama yang dicadangkan kepada Akta ini.

Pertamanya, adalah dicadangkan supaya di bawah Akta ini ditubuhkan sebuah Majlis Penasihat Perindustrian (Industrial Advisory Council) yang bertujuan untuk menasihati Menteri mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Akta ini. Ini adalah selaras dengan jaminan yang telah diberikan oleh Kerajaan bahawa Kerajaan bersedia membincangkan dengan sektor swasta apa-apa perkara yang berkaitan dengan ICA supaya tidak timbul salah faham ke atas tujuan-tujuan serta cara-cara Akta ini akan dikuatkuasakan. Majlis ini akan dianggotai oleh 7 orang wakil daripada agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dengan kemajuan perindustrian, termasuk wakil-wakil Kerajaan Sabah dan Sarawak; 7 orang wakil dari badan-badan perkilangan dan dewan-dewan perniagaan, termasuk wakil-wakil daripada Sabah dan Sarawak dan 2 orang ahli bebas yang dilantik oleh Menteri. Pengerusi Majlis ini dilantik juga oleh Menteri.

Saya sukalah menjelaskan bahawa pada masa sekarang Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telahpun menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi membincangkan perkara-perkara mengenai Akta Penyelarasan Perindustrian di antara wakil-wakil badan-badan perkilangan dan dewan-dewan perniagaan dengan wakil-wakil daripada agensi-agensi Kerajaan. Walau bagaimanapun, sektor swasta telah mencadangkan satu Majlis yang lebih tetap diwujudkan di bawah Akta ini bagi memberi keyakinan kepada para pelabur bahawa terdapat satu majlis yang didirikan dengan undang-undang di mana mereka boleh membincangkan segala perkara berhubung dengan pelaksanaan Akta ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat. Seksyen 7 dan Jadual (Schedule) kepada Rang Undang-undang ini adalah menjelaskan tentang perlantikan ahli-ahli Majlis dan perkara-perkara berhubung dengan perjalanan Majlis tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi peruntukan baru yang dicadangkan ialah untuk membolehkan seseorang pengilang yang terkilan dengan sebarang syarat atau perubahan ke atas sebarang syarat yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen di dalam lesen pengilangnya, mengemukakan rayuan kepada Menteri. Pada masa sekarang Akta ini cuma mempunyai peruntukan bagi rayuan dibuat kepada

Menteri bersabit dengan penolakan, pemindahan atau pembatalan sesuatu lesen sahaja, sementara rayuan terhadap syarat-syarat dikendalikan oleh Pegawai Pelesen cuma secara pentadbiran. Dengan adanya peruntukan ini para pengilang akan merasa lebih yakin lagi memandangkan peluang mereka untuk mengemukakan rayuan kepada Menteri adalah dijamin dari segi undang-undang. Walau bagaimanapun keputusan Menteri ke atas sesuatu rayuan itu adalah muktamad. Peruntukan yang dicadangkan ini adalah dijelaskan di dalam Seksyen 8, Rang Undang-undang ini.

- (i) Tuan Yang di-Pertua, adalah juga dicadangkan apabila sesuatu keputusan telah dibuat oleh Menteri ke atas sesuatu rayuan bagi kes-kes yang dinyatakan sebentar tadi, pihak yang merayu hendaklah mematuhi keputusan Menteri itu dan jika beliau gagal berbuat demikian beliau bolehlah didakwa di mahkamah dan jika didapati bersalah boleh dikenakan denda yang sewajarnya.
- (ii) Walau bagaimanapun Pegawai Pelesen boleh mengkompaunkan kesalahan tersebut di mana pengilang berkenaan tidak lagi boleh didakwa di mahkamah.
- (iii) Cadangan ini adalah dibuat untuk memastikan supaya pengilang-pengilang tidak sewenang-wenangnya mengambil sesuatu tindakan yang bertentangan dengan sesuatu keputusan yang telah dibuat oleh Menteri ke atas rayuan mereka setelah mereka diberi peluang untuk mengemukakan rayuan kepada Menteri.
- (iv) Pindaan yang dicadangkan ini adalah dijelaskan di dalam Seksyen 10 Rang Undang-undang ini.

Di bawah Akta ini sekarang seseorang pengilang yang hendak mengemukakan rayuannya kepada Menteri diberi tempoh 30 hari untuk mengemukakan rayuannya kepada Menteri. Untuk memberi masa yang lebih lama kepada seorang pengilang mengemukakan rayuannya adalah dicadangkan supaya tempoh ini dilanjutkan kepada 45 hari mulai daripada tarikh sesuatu keputusan ini disampaikan kepadanya. Pindaan ini dijelaskan di dalam Seksyen 8 Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta ini sekarang jika seorang pengilang itu merayu kepada Menteri terhadap pembatalan lesennya, pengilang tersebut boleh meneruskan aktiviti pengilangannya sehingga rayuannya itu telah diselesaikan oleh Menteri. Adalah didapati perlu supaya Akta ini juga mempunyai peruntukan supaya seorang yang telah mengemukakan rayuan kepada Menteri bersabit dengan pemindahan lesen atau pengenaan sesuatu syarat atau perubahan kepada sebarang syarat, dibenarkan meneruskan aktiviti pengilangan mereka selagi rayuan tersebut belum lagi diselesaikan oleh Menteri. Pindaan ini dijelaskan di dalam seksyen 9, Rang Undang-undang ini.

Akta ini sekarang memberi peruntukan supaya para pengilang mengemukakan maklumat-maklumat kepada Pegawai Pelesen atau kepada pihak yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen. Sebagai mengemaskan lagi sistem pengutipan maklumat-maklumat mengenai perindustrian yang ada sekarang supaya dapat mengurangkan beban pengilang-pengilang daripada terpaksa melayani permintaan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang serupa dari berbagai pihak, adalah dicadangkan supaya cuma Pegawai Pelesen dan Jabatan Perangkaan sahaja yang diberi kuasa di bawah Akta ini untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkenaan daripada pengilang-pengilang.

- (i) Selain daripada itu, adalah dicadangkan supaya satu peruntukan diadakan di dalam Akta ini bagi membolehkan denda yang sewajarnya dikenakan ke atas pengilang-pengilang yang didapati bersalah oleh mahkamah kerana gagal memberi maklumat-maklumat atau memberi maklumat yang palsu kepada Pegawai Pelesen atau Jabatan Perangkaan.
- (ii) Walau bagaimanapun Pegawai Pelesen boleh mengkompaunkan kesalahan tersebut dan dengan ini pengilang tersebut tidak lagi boleh didakwa di mahkamah.
- (iii) Cadangan ini dibuat adalah semata-mata untuk memudahkan Kerajaan menerusi Pegawai Pelesen dan Jabatan Perangkaan mendapat dan mengumpul maklumat-maklumat mengenai perindustrian daripada para pengilang yang diberi lesen di bawah Akta ini.

- (iv) Pada masa sekarang tidak ada peruntukan untuk mengenakan denda di bawah Akta ini dan cadangan tersebut akan memudahkan pencapaian satu daripada tujuan asal Akta ini. Pindaan-pindaan yang dimaksudkan tadi adalah dijelaskan di dalam Seksyen 6 Rang Undang-undang ini.

Seksyen 7 Akta ini mengenai Pemindahan sesuatu lesen perlu juga dipinda. Seksyen ini cuma memberikan peruntukan bagi membolehkan sesuatu lesen itu dipindahkan daripada seorang pengilang kepada seorang pengilang yang lain. Oleh kerana takrif pengilang (manufacturer) di dalam Akta ini hanya tertumpu kepada mereka yang sedang menjalankan aktiviti pengilangan sahaja, Kerajaan berpendapat ini mungkin merupakan satu peruntukan yang terhad oleh kerana sesuatu lesen itu mungkin hendak dipindahkan kepada seorang yang bukannya seorang pengilang menurut takrif di dalam Akta tersebut. Oleh itu adalah dicadangkan supaya, melalui Seksyen 5 Rang Undang-undang ini, Seksyen (7)(1) Akta yang ada sekarang dipinda untuk membolehkan sesuatu lesen itu dipindahkan daripada seorang pengilang kepada seorang yang lain (from one manufacturer to another person).

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah penjelasan mengenai pindaan-pindaan utama yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini. Pindaan-pindaan lain yang terdapat di Rang Undang-undang ini adalah berbangkit daripada atau bersangkutan dengan pindaan-pindaan yang telah saya jelaskan tadi.

Dasar Kerajaan di dalam melaksanakan Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA) ini telah beberapa kali dijelaskan di Dewan Yang Mulia ini. Saya sukalah memberi jaminan sekali lagi bahawa Kerajaan akan terus melaksanakan dasar ini secara "pragmatic" dan "flexible" supaya ia benar-benar sejajar dengan objektif-objektif negara di dalam bidang perindustrian. Pindaan-pindaan ini telah dibincangkan dengan mendalam dengan badan-badan swasta seperti Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan dan wakil-wakil sektor swasta daripada Sabah dan Sarawak. Pada keseluruhannya pindaan-pindaan ini telah diterima oleh mereka oleh kerana beberapa cadangan mereka telah

diterima oleh Kerajaan. Oleh sebab itu saya berasa penuh yakin bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan diterima baik oleh semua pihak selain daripada menghapuskan sama sekali apa-apa kekhuatiran dan kebimbangan yang masih dirasakan oleh setengah-setengah pihak. Oleh itu sewajarnya Rang Undang-undang ini menerima sokongan yang kuat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Akhirnya saya sukalah memberi jaminan bahawa Kerajaan akan sentiasa mengawasi dengan teliti pelaksanaan Akta ini supaya ianya benar-benar dapat memberi sumbangan yang bererti kepada matlamat-matlamat negara kita di dalam bidang perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soal di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya jemput Yang Berhormat dari Mantin.

5.06 ptg.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dan saya mengambil kesempatan memberi beberapa pandangan yang ada kaitan berkenaan dengan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami mengalu-alukan berbagai pindaan-pindaan terhadap Akta Penyelarasan Perindustrian khasnya berkenaan dengan membentuk sebuah Majlis Penasihat Perindustrian, yang bertugas memberi nasihat-nasihat kepada Menteri atas perkara-perkara berhubung dengan Akta ini. akan terdiri daripada 8 orang pegawai-pegawai Kerajaan dan 7 orang wakil-wakil sektor swasta dan 2 orang akan dilantik oleh Menteri itu, ini adalah satu langkah yang betul oleh sebab wakil-wakil sektor swasta dapat menjaga kepentingan-kepentingan pembuat-pembuat dalam semua

perkara-perkara yang berhubung dengan pelaksanaan Akta itu. Pindaan-pindaan kepada Akta ini adalah hasil perundingan-perundingan antara Kerajaan dengan sektor swasta dan diharapkan bahawa lebih banyak perundingan-perundingan akan diadakan supaya bahagian-bahagian yang lain dalam Akta ini dapat juga dipinda sekiranya terdapat bahawa pelaksanaan bahagian-bahagian Akta itu tidak akan dicapai dengan licin dan sempurna.

Saya merujuk kepada Perintah Penyelarasan Perindustrian (Pengecualian), 1976 di mana telah ditetapkan bahawa pembuat-pembuat yang bermodal sebanyak \$250,000 dan lebih patut dilesenkan di bawah Akta itu. Pada pendapat saya, angka minima sebanyak \$250,000 tidak realistik dan terlalu rendah oleh kerana memandangkan nilai-nilai masa sekarang, malahan harga sebuah kedai adalah lebih \$250,000 bahkan dikatakan modal-modal, jentera-jentera, bahan-bahan dan lain-lain, ini bermakna bahawa semua pembuat-pembuat kecil dan pembuat-pembuat kilang kecil akan dilesenkan. Oleh kerana bilangan pembuat-pembuat yang bermodal sebanyak \$250,000 dan lebih adalah sangat besar dalam negara ini, maka pengeluaran lesen-lesen supervisi dan ko-ordinasi atas industri-industri kecil bersama dengan syarat-syarat yang dikenakan atas lesen itu akan menjadikan Kerajaan membuat perbelanjaan yang besar, sebaliknya perbelanjaan itu akan dikurangkan sekiranya pembuat-pembuat yang kecil itu dapat dikecualikan permohonan lesen-lesen sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta ini. Saya percaya bahawa Akta Penyelarasan Perindustrian yang bertujuan mengko-ordinasikan dan mengaturkan pertumbuhan bidang membuat supaya faktor-faktor yang menyebabkan keluaran yang lebih barang-barang tertentu, persaingan tidak perlu dan kurang berekonomi, orientasi eksport, pencarian pasar-pasar sebarang laut yang betul, polisi-polisi harga dan lain-lain dapat dikuasai dan diko-ordinasikan. Oleh sebab ini pembuat-pembuat kecil dan pembuat-pembuat kilang-kilang kecil tidak patut dipaksa memohon lesen hanya kerana modal mereka adalah sebanyak \$250,000.

Saya percaya satu angka mungkin lebih realistik iaitu sebanyak \$500,000 baharulah seorang pembuat perlu memohon satu lesen

di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian oleh kerana matlamat dan tujuan Kerajaan adalah mengko-ordinasikan dan mengaturkan pembuat-pembuat yang besar. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Menteri menimbangkan sama ada perundingan-perundingan selanjutnya di antara Kerajaan dengan sektor swasta boleh diadakan supaya masalah ini dapat diatasi dengan memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan masalah penyertaan sama atau equiti bagi Bumiputra kami mengalukan kenyataan Menteri baharu-baharu ini bahawa sebanyak 30% penyertaan Bumiputra akan dijalankan sebagai keseluruhan dan equiti purata supaya usahasama yang khas mungkin dapat penyertaan Bumiputra lebih atau kurang mengikut keadaan itu.

Dalam hubungan ini diharapkan bahawa dalam pelaksanaan dasar ini pembuat-pembuat kecil yang bermodal di bawah \$1 juta akan diberi lebih banyak flexibility dan tidak akan diminta menyusun semula equiti modal mereka untuk melibatkan penyertaan Bumiputra supaya menggalakkan pembuat-pembuat kecil mengembang dan memodenkan industri-industri mereka. Walau bagaimanapun, bila modal mereka bertambah lebih \$1 juta maka mereka mesti melaksanakan penyertaan equiti oleh Bumiputra. Segala-segala ini akan berselarasan dengan Dasar Ekonomi Baru itu.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa dengan pindaan-pindaan sekarang dicadangkan oleh Rang Undang-undang ini community perniagaan akan berhenti membuat ulasan-ulasan tentang Akta ini dan melanjutkan perkembangan perniagaan dan perdagangan mereka dalam negara ini. Oleh kerana kami hidup dalam satu dunia yang dipenuhi dengan persaingan ekonomi yang terlalu kuat di mana pasaran-pasaran asing sedang ditutup dengan perlahan kepada keluaran-keluaran kilang kami, oleh sebab protectionism sedang dijalankan oleh negara-negara maju dan kecuali kami dapat meng-eksport keluaran-keluaran kilang yang bermutu lebih dan lebih murah dari setengah barang-barang yang dikeluarkan oleh negara-negara seperti Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong. Jika tiada percakapan-percakapan terhadap perkembangan perniagaan,

penyertaan equiti atau pertambahan pelaburan akan sia-sia sahaja. Kami dapat mempunyai kilang-kilang moden dan usahasama yang terlalu sempurna tetapi kecuali kami dapat menjual barang-barang kami, jika tidak kami akan boroskan sumber-sumber kami sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

5.14 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Pada 12hb Disember tahun lalu rakan saya daripada Seremban telah cuba mengemukakan satu Rang Undang-undang Ahli Persendirian untuk memansuhkan Akta Penyelarasan Perusahaan kerana iklim pelaburan yang sudahpun dijejaskan oleh kemerosotan ekonomi sedunia telah bertambah buruk akibat Akta Penyelarasan Perusahaan.

Percubaan DAP itu telah gagal dan ketika itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi satu gambaran yang indah mengenai perkembangan pelaburan-pelaburan di Malaysia.

Pendirian DAP itu telahpun disahkan tiga bulan kemudian apabila Kajian Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Ketiga dibentangkan dalam mesyuarat Parlimen yang diadakan pada bulan Mac ini.

Mid-Term Review Rancangan Malaysia Ketiga telah mendedahkan bahawa projection pelaburan swasta tempatan (domestic private investment) di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, telah turun sebanyak \$6,224 juta. Di bawah projeksi asal Rancangan Malaysia Ketiga, pelaburan swasta tempatan (domestic private investment) dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dijangka akan meningkat ke \$16,460 juta dalam tahun 1980. Akan tetapi, mid-term review telah ulangkaji projeksi ini dan pelaburan swasta tempatan diturunkan sebanyak \$6,224 juta iaitu kepada \$10,236 juta.

Saya sangat hairan dalam jawapannya yang bertulis kepada Yang Berhormat rakan saya daripada Bukit Bendera semalam Yang Berhormat Menteri Kewangan cuba menafikan hakikat yang sepatutnya tidak boleh dinafikan iaitu to deny the undeniable dengan

mengatakan bahawa pelaburan swasta tempatan (domestic private investment) tidak diturunkan sebanyak \$6 ribu juta di bawah mid-term review. Saya ingin minta Menteri Kewangan merujuk kepada Jadual 8-1 mengenai Malaysia Anggaran Pelaburan Swasta dan Pembiayaannya 1976-80 dalam mid-term review dan boleh mendapati angka-angka yang saya sebutkan tadi. Saya hairan Menteri Kewangan tidak sedar akan projeksi pelaburan swasta tempatan (domestic private investment) ini yang diturunkan sebanyak \$6 ribu juta.

Untuk memenuhi "shortfall" dalam pelaburan swasta tempatan ini, Kerajaan telah memutuskan di bawah mid-term review untuk meningkatkan pembiayaan oleh sektor awam (public sector, financing of investment in private sector) dalam sektor swasta sebanyak \$4,271 juta dan ini bermakna jumlah pelaburan Kerajaan di dalam sektor swasta (Government investment in private sector) ialah sejumlah \$10,616 juta dan jumlah pelaburan Kerajaan di dalam sektor swasta adalah lebih dari jumlah pelaburan swasta sebanyak \$10,236 juta.

Kerajaan bermampu meningkatkan perbelanjaannya di dalam pelaburan swasta akibat "bonanza" yang didapati dari pengeluaran minyak oleh Malaysia yang mana pada tahun hadapan, minyak akan merupakan "No. 1 foreign exchange earner" dengan mengalahkan getah. Namun demikian, minyak merupakan satu sumber yang "depleting" dan bolehlah dipertikaikan sama ada kegunaan hasil dari minyak itu oleh Kerajaan untuk meningkatkan perbelanjaannya di dalam pelaburan swasta adalah "justifiable" atau tidak.

Dan juga untuk mengatasi "shortfall" dalam pelaburan swasta tempatan ini, Kerajaan telah dalam Kajian Pertengahan Penggal mengulangkaji matlamat-matlamatnya bagi pelaburan swasta asing (foreign private investment) dari \$3,650 juta iaitu matlamat asalnya kepada \$6,669 juta—tambahan sebanyak \$3,019 juta. Dan itulah sebabnya Kerajaan gigih menghantarkan rombongan-rombongan galakan pelaburan yang besar untuk menarik pelaburan asing tetapi penghantaran rombongan-rombongan ini tidak menunjukkan hasil yang memuaskan.

Akanlah menjadi lebih untung bagi Kerajaan untuk memperbaiki "shortfall" dalam domestic private investment ini dengan mewujudkan dan mobilisasikan wang pelaburan swasta yang boleh dilaburkan dan juga mengkaji mengapakah Kerajaan telah gagal untuk memobilisasikan pasaran kewangan tempatan yang sangat begitu "liquid".

Sungguhpun jumlah pelaburan swasta dijangka akan meningkat di bawah Kajian Pertengahan Penggal ke \$27,521 juta jika dibanding dengan matlamat asal Third Malaysia Plan sebanyak \$26,545 juta, dan ini disebabkan melalui pelaburan wang Kerajaan dengan menggunakan hasil yang didapati dari minyak dan selepas mengambil kira "shortfall" dalam pelaburan swasta tempatan sebanyak \$6,224 juta.

Apabila Rancangan Malaysia Ketiga dilancarkan dalam tahun 1976, Kerajaan mengumumkan bahawa pelaburan swasta akan merupakan sumber utama ke arah pembentukan kapital (capital formation) dalam tempoh tahun 1976 hingga 1980 jika dibandingkan dengan Rancangan Malaysia Kedua di mana peranan utama dimainkan oleh pelaburan sektor awam. Rancangan Malaysia Ketiga telah jelas gagal dalam mencapai matlamat ini di mana Kerajaan terpaksa membiayai melalui MARA, UDA, PERNAS, PETRONAS, MISC dan MAS dan lain-lain pelaburan swasta kepada satu jumlah yang lebih besar dari domestic private investment dan dengan demikian mencipta satu keadaan di mana pelaburan swasta Kerajaan (Government private investment) lebih daripada domestic private investment.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendakwa bahawa Akta Penyelarasan Perusahaan merupakan sebab tunggal yang besar yang menyebabkan "shortfall" dalam matlamat pelaburan swasta tempatan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, ianya juga merupakan sebab tunggal besar yang mewujudkan perasaan kurang keyakinan di kalangan pelabur-pelabur tempatan. Jika sekiranya pelabur-pelabur tempatan mempunyai keraguan yang besar tentang iklim pelaburan di negara ini, maka adalah tidak tepat atau "putting the cart before the horse" bagi

Kerajaan untuk cuba menarik pelabur-pelabur asing ke sini kerana pelabur-pelabur tempatanlah yang harus dipikat dahulu. Dan oleh sebab inilah, kita meragui sama ada matlamat pelaburan swasta tempatan di bawah Kajian Pertengahan Penggal boleh tercapai atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1975 tatkala Vietnam disatukan dengan jatuhnya bandar Saigon, iklim pelaburan di Asia Tenggara terlalu dingin kerana pada masa itu tertimbul soal mana satu negara lain yang akan jatuh seperti domino. Sungguhpun keadaan ini telah lalu, perkembangan-perkembangan baru di Indo China yang disebabkan oleh exodus pelarian-pelarian Vietnam yang tak henti-henti dan timbulnya ketidakstabilan di Asia Tenggara yang menjadi sebahagian rancangan besar Vietnam bersama dengan Soviet Union telah menjejaskan lagi iklim pelaburan di Malaysia dan di rantau Asia Tenggara.

Selain dari faktor-faktor asing ini, Kerajaan seharusnya hendaklah sedar bahawa terdapat krisis kurang keyakinan (crisis of confidence) yang timbul akibat dasar-dasar pembinaan negara Kerajaan yang juga telah menyebabkan "shortfall" dalam pelaburan swasta tempatan. Kini terdapat keperluan yang mendesak bagi Kerajaan untuk mengkaji semula dasar-dasar pembinaan negaranya yang dilakukan sekarang, baikpun di bidang politik, ekonomi, pelajaran, sosial atau kebudayaan kerana pengalaman spectrum hidup seseorang akan menentukan sikap, persepsi dan pandangan orang itu terhadap masa depan.

Kerajaan hendaklah bersensitif akan aspirasi-aspirasi sah rakyat dari segala kaum dan kelas di Malaysia dan Kerajaan tidak harus membenarkan dirinya tergodanya untuk mencapkan sesiapa sahaja yang mengkritik atau menentang dasar-dasar Kerajaan sebagai "anti-nasional" atau "tidak taat setia"—kerana ini akan menimbulkan persoalan asasi apakah asas dan cara pembinaan negara di Malaysia.

Dan sebab inilah saya mempunyai keraguan sama ada pindaan-pindaan yang dicadangkan sekarang kepada Akta Penyelarasan Perusahaan boleh mengatasi masalah pokok iaitu

kurang keyakinan yang telah menyebabkan "shortfall" sebanyak \$6,224 juta pelaburan swasta tempatan.

Dalam pada ini saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada apabila Kerajaan merangka pindaan-pindaan ini, Kerajaan telah memperhitungkan bantahan-bantahan dan representations yang dibuat terhadap Akta ICA ini oleh Badan-badan khususnya badan ACCCI (Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry) yang telah mengadakan satu Conference of Economic Malaysian Chinese dalam bulan April tahun 1978 khas mengenai perkara pelaburan dan Industrial Co-ordination Act.

ACCCI dalam laporannya yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola Persidangan Ekonomi Malaysian Chinese telah mengisytiharkan bahawa ia menerima rationale di belakang Dasar Ekonomi Baru dan sedia memainkan satu peranan yang cergas dengan rakyat yang lain untuk membina sebuah negara yang adil dan progresif di mana keamanan dan kebahagiaan dinikmati oleh semua. Akan tetapi ACCCI telah menegaskan bahawa Dasar Ekonomi Baru itu adalah berasaskan kepada memperkembangkan kek ekonomi yang sedia ada (expanding economic cake).

Saya ingin tahu sama ada semua representations atau keraguan, bantahan-bantahan bermata lima yang berikut ini yang dibuat oleh ACCCI terhadap Industrial Co-ordination Act telah diberi pertimbangan sewajarnya oleh Kerajaan, dan di sini dengan izin saya memetik lima points ini oleh kerana ini menumpukan keraguan mengenai Industrial Co-ordination Act dan oleh kerana laporan ini adalah dalam bahasa Inggeris, saya minta izin untuk membacanya.

(*Dengan izin*) "13. The Industrial Co-ordination Act is now applied. Under this legislation existing industries have to apply for manufacturing licences in addition to their trade licences. Though licences are supposed to be automatically granted, such licences under the ICA have 12 common conditions attached. These are: 1, Location; 2, Equity; 3, Employment Structure; 4 Distribution; 5, Professional Services; 6, Companies going public; 7 Board of Directors; 8, Machinery; 9

Pollution Control; 10, Agreements; 11, Compliance with other laws; 12, Use of local materials. There are further 17 additional conditions for relevant industries. Each of the conditions itself has a host of regulations and specifications. Any contravention of any of the dozens of regulations or specifications under one or more of the common conditions can result in the cancellation or suspension of a manufacturer's licence.

14. Chinese enterprises with more than \$250,000 share-holders funds are required to have a work force of at least 50% bumiputras. This raises employment prospect difficulties for the Chinese in addition to practical problems. The Chinese are unable to find similar employment opportunities in the Public Sector, the local authorities and Statutory bodies and national corporations. The consequences of these diminishing employment opportunities are therefore serious.

15. When a piece of land is acquired for industry, one of the conditions on the land title is invariably the employment of bumiputras in the industry for which the land is intended. This ranges from 25%-50% of the total labour force. Where industrial lands are leasehold, the renewal of the lease is subject to a number of conditions, again the employment of Bumiputras in the factories on the leasehold land can range from 25%-50% of the labour force. For the Chinese whose factories were built on such leasehold lands in long established industrial areas, there is little choice but to comply with these new conditions when the lease has to be renewed. In the relation to employment conditions, some Chinese businesses have, where the Bumiputra labour supply is available, employed more than 50% Bumiputra workers in the spirit of co-operation. However, where the Bumiputra labour supply is scarce, it is impracticable and unfair to make the conditions inflexible.

16. Under the ICA, manufacturing enterprises with more than \$500,000 shareholders fund may be required to divest at least 30% of their equity to Bumiputras. A feeling of injustice can arise if this is imposed only on profitable ventures. This feeling is further enhanced by the absence of similar imposition on Bumiputras enterprises to part 30% of their equity to the others.

17. Another condition in the manufacturing licence under the ICA is to have at least 30% of the locally manufactured products to be allocated for distribution by Bumiputra firms whose selection must be made in consultation with the Government. This means that the existing Chinese dealers will have to be deprived of 30% of their market thus giving rise to a sense of deprivation among the existing Chinese distributors."

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini menimbulkan satu perkara yang sangat mustahak iaitu satu issue pokok sama ada satu jaminan yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru bahawa dalam pelaksanaannya tidak ada kumpulan yang akan mengalami kerugian atau merasa kehilangan. Nampaknya dalam masa tempoh ini telah diketepikan atau dilupakan. Misalnya, dalam bidang pelajaran tinggi, daripada tahun 1976 hingga 1978, dalam masa tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Ketiga pengambilan pelajar-pelajar keturunan China dalam lima buah universiti tempatan telah kurang daripada 5,373 ke 5,292.

Ini satu petunjuk di mana jaminan ini iaitu di dalam Dasar Ekonomi Baru tidak ada satu kumpulan pun yang akan mengalami kehilangan atau kerugian yang tidak dipenuhi. Dan di dalam bidang ekonomi dan industri pun nampaknya Kerajaan tidak menghormati atau mengikuti jaminan ini dan ini adalah dirasai oleh orang ramai dan saya rasa masanya sudah sampai di mana satu Suruhanjaya patutlah diadakan untuk menentukan sama ada jaminan Dasar Ekonomi Baru, bahawa tidak sesuatu kumpulan pun akan merasai atau mengalami apa-apa kerugian. Adakah ini diikuti untuk mengembalikan keyakinan pelabur-pelabur tempatan?

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Dan saya rasa adalah sangat dikesalkan bahawa nampaknya pindaan-pindaan yang dikemukakan dalam Dewan ini, sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri kata pindaan-pindaan ini adalah akibat cadangan-cadangan daripada berbagai-bagai badan sebelum pindaan-pindaan ini dibawa ke

Dewan ini dan saya rasa tidak dibuat apa-apa consultation dengan badan-badan berkenaan, oleh kerana saya baca dalam surat khabar selepas Rang Undang-undang ini disiarkan bahawa wakil-wakil badan-badan industri berkata bahawa mereka tidak tahu apa-apa sebenarnya terkandung di dalam Rang Undang-undang ini. Saya rasa apa yang mustahak ialah sebelum Rang Undang-undang ini dikemukakan badan-badan yang ada interest group hendaklah diberi peluang untuk tahu dan bincangkan pindaan-pindaan tersebut. Dan oleh kerana itu, saya rasa dengan sebab-sebab yang saya sebutkan tadi, saya tidak nampak bahawa pindaan-pindaan yang baru ini boleh mengatasi masalah pokok iaitu untuk mengembalikan ataupun memulihkan keyakinan pelaburan tempatan dan saya berpendapat bahawa langkah yang bijaksana ialah untuk memansuhkan ICA atau sebaliknya untuk suspend pelaksanaan ICA dan mengadakan satu conference semua badan-badan yang berminat atau interested supaya satu Akta baru boleh diadakan di mana sebutan-sebutan yang sah dan hak-hak yang sah semua pihak boleh dijaga dan boleh dilindungi untuk unlock, untuk membolehkan wang-wang tempatan yang begitu banyak dibebaskan diunlock untuk pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

5.33 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, dalam mengalu-alukan Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) 1979, saya ingin mengambil bahagian untuk menyentuh sedikit sebanyak di dalam perbahasan atas Rang Undang-undang ini.

Telah banyak diperkatakan orang bahawa Undang-undang Penyelarasan Perindustrian atau ringkasnya ICA menyekat pelabur-pelabur di dalam negeri kita. Mungkin apa yang dibangkitkan itu ialah mengenai insentif sepatutnya diberikan kepada pelaburan. Kita akui bahawa siapa juga yang menanamkan modal dalam negeri ini berkehendakkan keuntungan. Ini tidak siapa yang boleh menafikan, kerana ini adalah satu hakikat yang nyata. Dalam pada itu undang-undang

juga perlu untuk mengawal kedudukan tanaman modal dalam negeri kita, kerana kepentingan dan keselamatan adalah satu perkara yang utama dan mustahak. Dengan adanya keselamatan negara terkawal, barulah ada jaminan keselamatan untuk pelabur-pelabur.

Sekiranya ini tidak wujud saya percaya tidak ada siapa pun yang hendak datang mencurahkan wangnya untuk menanam modal di negara kita. Namun begitu, apa yang perlu diperhatikan ialah pelepasan cukai yang dikenakan kepada sesuatu syarikat, katalah 5 tahun atau 7 tahun, lepas itu barulah cukai ditaksirkan.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli perniagaan juga mempunyai kepakaran pegawai-pegawainya, kerana mereka juga disifatkan sebagai satu organisasi yang teratur dan cekap. Mereka juga tahu dan boleh menilai kedudukan kewangan dan kesetabilan politik sesebuah negara itu. Apa yang ingin saya tekankan di sini ialah bahawa sekiranya didapati perjalanan sesebuah syarikat itu didapati tidak begitu menguntungkan dan kemungkinannya terbayang maka secara tidak langsung ia akan mengelirukan modalnya sedikit demi sedikit akhirnya tinggallah harta dan alat-alat jenteranya sahaja.

Dalam hal ini, saya rasa pakar-pakar kita khususnya pegawai-pegawai pelesen yang dilantik oleh Perdana Menteri hendaklah memperhatikan dengan sungguh-sungguh dan pemeriksaan yang teliti hendaklah dijalankan bahawa perjalanan sesebuah syarikat itu betul-betul dikendalikan. Maklumat-maklumat yang didapati oleh pegawai-pegawai pelesen itu amatlah perlu bagi tindakan Kerajaan selanjutnya.

Dengan adanya laporan-laporan yang diperlukan oleh pegawai-pegawai pelesen itu, kita yakin bahawa modal yang ditanam ataupun dilaburkan itu adalah terjamin dan dengan kerana itu kepentingan bagi kedua-dua pihak adalah terpelihara.

Yang kedua, saya ingin menarik perhatian bahawa pengaliran keluar modal sesebuah syarikat yang menanam modal di dalam negeri kita hendaklah melalui saluran-saluran yang tertentu, misalnya modal yang hendak dikeluarkan keluar negeri mestilah mendapat

kebenaran dan persetujuan daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Kementerian Kewangan. Ini ialah supaya ada sedikit sekatan yang dikenakan kepada harta modal mereka dan kalau boleh, apa yang perlu diberi galakan ialah modal keuntungan itu hendaklah dilaburkan semula ke dalam negeri ini dengan membuka cawangan-cawangan ataupun anak-anak syarikat supaya perniagaan itu diperkembangkan. Ini bukan sahaja dapat memberi keuntungan kepada syarikat itu tetapi juga memberi peluang pekerjaan kepada rakyat negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada rombongan pelaburan Malaysia ke Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun yang diketuai oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian adalah sangat menggalakkan dan kita haruslah memberi pujian di atas kejayaannya itu.

Ternampak kepada kita bahawa rombongan pelaburan itu hanya tertumpu kepada negara-negara perindustrian sahaja. Dalam pada itu, saya ingin menarik perhatian Kementerian yang berkenaan bahawa kita bukan sahaja menumpukan perhatian perdagangan ke negara-negara tersebut tetapi juga hendaklah menumpukan perhatian ke negara-negara Arab khususnya Arab Saudi.

Saya rasa kalaulah kini dapat diperhatikan, insya Allah rombongan-rombongan pelaburan kita di masa yang akan datang akan berjaya dan tambah meyakinkan kita khususnya orang-orang Melayu yang begitu tertarik dengan perkembangan perniagaan di negara kita. Mungkin peluang-peluang sahaja yang belum terbuka kepada mereka tetapi dengan adanya galakan dari Kerajaan, saya percaya usahawan-usahawan Melayu akan muncul satu demi satu sebagai menyambut seruan Kerajaan dalam mencapai penyusunan semula Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah sahaja dan saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

5.38 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang

Undang-undang meminda Akta Penyelarasan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat dukacita dan sedih iaitu masih ada lagi dalam Dewan ini orang-orang yang cuba menentang Rang Undang-undang ini baik pun yang asal ataupun yang hendak dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai manusia, semua orang ingin kaya, semua orang ingin besar, semua orang ingin berkuasa. Tetapi kekayaan, kebesaran dan kekuasaan, kalau tidak kena pada tempat dan selarasnya maka akibatnya, Tuan Yang di-Pertua, padahnya amat besar.

Maka dengan sebab itu saya bersetuju dengan Rang Undang-undang ini dinamakan penyelarasan, menseimbangkan, menyamakan supaya kedudukannya stabil. Ini yang kita buat undang-undang. Baikpun yang awal ataupun yang ada ini, untuk membaiki matlamat penyelarasan. Kalau sesuatu benda macam saya kata tadi, satu golongan terlampau besar, satu golongan terlampau kaya, satu golongan terlampau gemuk maka akibatnya dunia tidak seimbang, inilah undang-undang yang kita hendak pinda. Saya amat dukacita, Tuan Yang di-Pertua, sampai hari ini juga wakil dari Petaling tadi cuba membangkang lagi sesudah beliau hendak hapuskan daripada awal Rang Undang-undang ini dengan cuba membawa usul, dan bila dibawa pindaan beliau cuba hendak hapuskan. Beliau juga sebut dalam kenyataannya tadi sehingga termasuk hal sekolah dan universiti, begitulah kalau dengan perkara universiti pun tidak diambil tindakan maka perkara ini pun serupa.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya Kerajaan kita yang memerintah hari ini sangatlah adil, bukanlah semata-mata adil kepada kaum Bumiputra atau Melayu seperti mana Perdana Menteri kita orang Melayu (Bumiputra) ataupun Tuan Yang di-Pertua sendiri. Kita memerintah dengan adil kerana kita percaya kalau kita tidak adil kepada semua bangsa yang ada, walau bangsa apa sekalipun apatah lagi bangsa yang hidup bersama turun-temurun, berkurun-kurun seperti yang kita ketahui selain daripada kita berdosa, kita sesama kita akan jadi porak-peranda dan Tuhan akan azab kita, kerana Tuhan tidak tanya: Kau berbuat baik kepada

Melayu, Cina dan sebagainya, tetapi hendaklah kau berlaku adil kepada semua manusia mengikut keadilan. Ini disuruh oleh Tuhan. Jadi di atas dasar inilah kita membuat penyelarasan, kerana kita tahu mengikut masa-masa yang lepas kalau tidak silap saya negara kita telah menjadi kelaziman rakyatnya yang berbilang kaum dengan secara tidak langsung telah diketahui oleh umum. Katakanlah kalau bangsa Melayu hidup cara pertanian dan kalau India pula dengan cara estate dan kalau lain-lain bangsa atau lebih tepat Tionghua hidupnya dengan cara berdagang atau dengan cara perindustrian, ini kita tidak dapat nafi. Hidup dengan cara bertani dengan tumbuh-tumbuhan hijau amatlah nyaman, tetapi kita tidak boleh nafi 90% daripada mata pencarian kalau hendak kaya ialah dengan cara perniagaan dan perindustrian. Maka dengan sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, sesudah kita merdeka kita hendak mensembangkan segenap kaum ini, jangan ada satu kaum yang pendapatannya terlampau rendah.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua seperti yang kita kaji di masa yang lepas walaupun berbagai-bagai usaha dan ikhtiar dibuat oleh Kerajaan, tetapi kita tidak boleh nafi kerana ini kenyataan, kaum Bumiputra pendapatannya masih rendah kalau dibandingkan dengan kaum-kaum yang ada dalam Malaysia hari ini baik apa bangsa pun yang ada. Ini kita amat merasa sedih, sebab itulah Kerajaan mengadakan Dasar Ekonomi Baru dengan cara penyelarasan dan sebagainya. Jadi kalau masih ada orang yang tidak bertanggungjawab saya merasa amatlah pelik, sepatutnya kaji dahulu soal ini, kalau kita seorang hendak kaya, kalau kita seorang hendak berkuasa akhirnya peristiwa 13 Mei harus berlaku lagi, kerana kalau satu golongan terlampau kaya, satu golongan terlampau rendah pendapatannya dan miskin ini patut kita kaji. Di atas ikhtiar-ikhtiar Kerajaan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan tegaslah dengan pendapatannya, Kerajaan tegaslah dengan cadangannya, biarlah ada yang membangkang kerana kita tahu baik bangsa apapun yang ada dalam Malaysia hari ini, orang yang berperniagaan, yang tahu bagaimana aku hendak senang dan orang lain hendak senang, dia suka asalkan apa yang dibuat oleh undang-undang boleh menyelaraskan kaum yang ada, kerana dia

tahu kalau aku kaya pun negeri tidak aman di mana aku hendak duduk, di mana aku hendak berjalan? Keamananlah faktor utama kepada manusia selain daripada kekayaan. Kekayaan tidak bererti, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak aman, keamanan payah dicapai kepada kedua-dua kaum, kalau satu kaum kaya, satu kaum miskin. Maka dengan itu saya berharap sangat-sangat kepada dasar Kerajaan tadi walau dengan apa cara sekalipun tegaskanlah apa yang dijalankan.

Saya juga berharap kepada wakil dari Petaling itu tolonglah insaf. Saya juga mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang membawa Rang Undang-undang ini untuk kepentingan negara, bukanlah untuk kebangsaan, kerana kalau Melayu kira Melayu sahaja, Tionghua kira Tionghua sahaja, India kira India sahaja, kita tidak boleh hidup dalam Malaysia. Kita hidup hendaklah berbuat baik dan di atas dasar itulah kita hidup hari ini, baik di segi agama, di segi bahasa dan di segi apa sekalipun. Walaupun kita menggunakan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Rasmi. Begitu juga di mana negeri sekalipun seperti di negeri Thai walaupun bahasa lain boleh digunakan, tetapi bahasa Thai yang rasmi. Sungguhpun Thai mempunyai empat daerah dari Selatan Thai, Pattani, Yala, Toi dan sebagainya terdiri daripada orang Melayu, tetapi bahasa rasminya ialah bahasa Thai, tetapi bangsa lain boleh hidup sama untuk belajar dan sebagainya, begitulah di segi lain. Jadi dengan sebab itu saya harap hendaklah kerap diulang kaji oleh Kerajaan di atas apa yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini telah mencadangkan ditubuhkan satu Majlis Penasihat Perindustrian kalau tidak silap saya terdapat dalam muka surat 3 ini. Sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi hendak menambah tujuh ahli kepada Kementerian yang berkenaan. Jadi, saya berpendapat kalau boleh dikaji semula, kalau tidak kali inipun tetapi di masa yang akan datang, agak saya di dalam Majlis ini yang tidak ada di dalamnya ialah Kementerian Perusahaan Awam, Kementerian Kewangan ada. Saya berpendapat Kementerian Perusahaan Awam ini amat perlu kerana dalam satu-satu kilang itu ada kaitannya

dengan perusahaan awam, misalnya, untuk mendapat pinjaman daripada MARA, UDA, MIDF atau sebagainya. Jadi dengan sebab itulah Kementerian Perusahaan Awam ini perlu walaupun Kerajaan boleh memerintah kepada UDA dan MIDF memberi pinjaman kepada kilang-kilang, tetapi lebih cantik kalau dibawa berunding bersama selain daripada memberi sokongan bersurat dari belakang. Dengan sebab itu saya berpendapat Kementerian yang saya sebutkan tadi diadakan sama.

Yang kedua, kemudahan awam ini patutlah dikaji kerana ada membuat kontrek itu dan ini. Saya ucapkan terima kasih dengan adanya Majlis ini melantik ahli Perdagangan dan Perindustrian Pengilangan. Saya minta dilantik Badan Perniagaan Melayu Malaysia, bukan saya bersikap kebangsaan atau perkauman, kalau hidup ini kita bersifat perkauman, amatlah pedih, tetapi kalau satu kaum yang lemah kita tidak bela kita akan tengok akibatnya tidak baik. Kita sama-sama tahu Bumiputra kehidupannya amat susah, ini kita apa boleh buat, walaupun saya sendiri Bumiputra. Ada orang yang kaya, tetapi golongan purata yang banyak peratusnya Bumiputra adalah kekurangan disegenap segi, khususnya di segi perdagangan dan perindustrian perkilangan. Saya bercakap ini bukan cara perkauman tetapi patutlah badan-badan perniagaan seperti kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi saya setuju sangat khususnya Dewan Perniagaan Melayu dan kalau boleh ditambah sama badan Perusahaan Beras Melayu Malaysia, sebabnya saya kata begitu kadang-kadang kalau kita hendak buat kilang dan sebagainya ada sangkutannya dengan orang yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Rang Undang-undang yang dibentangkan ini, saya berharap sangatlah kalau boleh Kerajaan patutlah menyelaraskan juga di antara kilang yang hendak didirikan dengan cara pasarannya. Maksud saya Kerajaan hendaklah mengambil berat sama.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita pada hari ini bagus memberi lesen dan sebagainya, tetapi kadang-kadang kilang ini kalau diberi kepada Melayu tulin setengah daripadanya dia syer dengan bukan bumiputra, dan kalau dia buat seorang kadang-kadang kilang itu mati. Pada pendapat saya hendaklah ada control

dan pasaran ini kita hendak tolong. Kalau setakat lesen kilang kita beri tetapi cara pasarannya tidak dapat diselaraskan oleh Kerajaan ataupun kuasanya tidak dipegang oleh Kerajaan akhirnya kilang-kilang itu walaupun diberi lesen kepada Bumiputra tidak dapat berjalan.

Saya berharap juga, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan ini kalau ada orang bersalah dikenakan denda (compound) sebelum dibawa ke mahkamah; mana yang patut dicomound dahulu. Saya berpendapat ada pengilang-pengilang di negeri ini yang tidak pandai, tetapi tidak tahulah saya kalau kilang yang besar-besar, tetapi kilang kecil kadang-kadang apabila datang surat kuning daripada Income Tax hendak diisi bila ditanya modal berapa banyak dia tidak tahu dan untung berapa banyak pun dia tidak tahu, mereka datang hendak menyuruh isi sahaja, sehinggakan naik pitam kepala.

Saya berharap kalau boleh sebelum tindakan hendak diambil kepada pihak yang berkenaan cara pengajaran dahulu ataupun beri amaran, sebaik-baiknya jangan beri amaran, beri latihan, tunjuk-ajar dahulu sebelum tindakan itu diambil tetapi kadang-kadang tak ada. Inilah yang saya harap sangat.

Kita ucapkan terima kasih macam mana dikatakan oleh Wakil dari Tumpat tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah melawat keluar negeri untuk melaburkan modal kita di Malaysia, kita ucapkan terima kasih kerana kita tahu kalau perindustrian kita tak banyak, hasil tak banyak dan buruh-buruh pun tak dapat kerja. Ini kita ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang boleh dikatakan sebulan sekali, kadang-kadang lebih daripada itu beliau meninggalkan negeri untuk mencari pelabur asing melabur di sini.

Saya berdukacita sekali lagi sebelum saya sambung perkara lain, saya terlupa tadi, saya suka menyatakan kepada Wakil dari Petaling sekali lagi. Kita sebagai manusia kalaulah semata-mata kita hendakkan kekayaan di samping kita tak jaga seimbang, benda ini akan mudarat, kerana dalam ugama pun,

kalau tak silap saya, saya contohkan, kita disuruh berniaga cari untung tetapi ada untung yang tak boleh makan iaitu riba, makan yang tak kena pada tempatnya. Seperti makan gaji, ada benda yang tak boleh diambil berlebihan daripada gaji iaitu rasuah yang selalu ditangkap, buat kerja tak patut ambil lebih, menganiayakan orang lain. Jadi kalau dalam hendak mencari makan, hendak cari pelabur asing pun, pada pendapat saya, kalau di samping kita hendak melaburkan, misalnya hendak kayakan kaum sesuatu tak kena gaya, tak boleh seimbangkan kaum yang ada, pekerja dan sebagainya, benda itu tak baik. Bukanlah maksud kita di Malaysia ini agak saya semata-mata matlamat kita: Aku mahu kaya, hendak lingkupkan bumiputra, kaya yang aku hendak, saya fikir Kerajaan kita tak mampu hidup, di samping kita hendak jadi kaya seimbang adalah perkara perlu. Sebab itulah di segi agama, perkara ini dititik-beratkan, jangan semata-mata engkau hendak cari kekayaan di samping engkau hendak kaya, orang lain akan menderita. Maka dengan sebab itu dibunuh hukumnya dosa, kalau dalam agama. Jadi kalau dalam kira peri kemanusiaan, Kerajaan kita ini adil, dia tahu cara peri kemanusiaan, dia tak buat macam kehendak Wakil dari Petaling tadi.

Saya berharap kepada Kerajaan kita di atas perindustrian ini dibanyakkan lagi kilang-kilang ini terutama di luar bandar ada syaratnya, kalau luar bandar diberi kelonggaran sedikit dan kalau boleh dibubuhkan syarat-syarat kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, saya berharap hendaklah syarat-syarat itu kepada kilang-kilang yang telah dibenarkan oleh Kerajaan atau apa-apa syarat sekalipun kalau boleh. Ini saya bercakap secara ikhlas. Kilang kita banyak ada hari ini, industri kita banyak hari ini, Kerajaan beri tetapi malangnya, saya ini bercakap bukan cara perkauman tetapi secara ikhlas, pekerja mahir bumiputra ini tak ada langsung, tak tahulah apa nasib kaum bumiputra, jarang sangat. Kadang-kadang kalau hendak kata tak pandai pun, ada yang pandai tetapi tak boleh, yang kerapnya ialah buruh kasar. Ini saya harap kalau boleh dibuat syarat.

Dalam peraturan itupun, saya tahu, baik kilang atau industri, kalau enjinnya bukan yang ahli (pakar) menjaga, hendak harapkan

bumiputra suruh jaga asalkan bumiputra hendak ambil walhal hendak suruh jaga enjin kilang, lingkup kilang—minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya gunakan kalimah 'lingkup', jahanam kilang itu. Saya tak bermaksud macam itu tetapi maksud saya kalaulah ada kaum bumiputra yang boleh memiliki kilang dan sebagainya, utamakanlah kepada kaum ini, kerana kita hari ini terlampau lemah. Di samping itu saya bukan hendak suruh jangan ambil bangsa lain, saya tak suruh, kerana dasar kita saya percaya kita memerintah ini berbaik-baik antara kaum yang ada dalam Malaysia dan kita akan berbaik dengan semua kaum, sebab itulah kita buat ASEAN, Bangsa-bangsa Bersatu dan sebagainya. Ini dasar kita, bukan kita buat dasar perkauman. Ini saya percaya walaupun saya datang daripada luar bandar kata orang, dasar ini saya percaya sungguh-sungguh tetapi kalau menindih satu kaum, ini adalah benda yang tak patut.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba Yang Berhormat tumpukan lebih kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga dalam keadaan kilang ini, saya berpendapat macam mana saya kata tadi kelonggaran-kelonggaran patutlah diberi kepada kilang-kilang yang dibenarkan oleh Kerajaan yang baru timbul dan juga kalau boleh kilang-kilang ini patutlah dibuat syarat. Sebagaimana saya katakan tadi diutamakan, beri keistimewaan. Kalau hendak salah pun, kalau kilang-kilang itu menggunakan bahan tempatan, kilang-kilang itu patut diutamakan dahulu kerana bahan tempatan yang diambil.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, harapan saya kerana pekerja-pekerja dalam kilang yang ada dalam Malaysia pada hari ini banyak orang gelak, misalnya macam Pulau Pinang, mana-mana tempat pun daripada pekerja kilang, pekerja industri yang besar-besar yang membawa orang itu dapat cari makan dan di situ juga kadang-kadang membawa manusia yang hilang moral atas itu, kata orang dia dapatkan wang sahaja tetapi cara segi moralnya kadang-kadang orang yang bekerja ini anak-anak muda, wanita dan sebagainya. Saya berharap pihak pengilang-pengilang yang dibenarkan oleh Kerajaan ini kepada pekerja-pekerjanya yang banyak, tolonglah buat satu

sekatan dan kalau boleh tolonglah adakan juga pengajaran-pengajaran asas yang membawa mereka itu ke jalan kebaikan dan yang menjauhkan daripada kejatuhan moral dan sebagainya, kerana hari ini kita tak nafikan bahawa banyak mereka mendapat wang, kadang-kadang juga mereka mendapat satu macam moral. Ini bukanlah 100%, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada tempatnya berlaku macam ini. Saya berharap sesudah pihak pengilang dapat menyediakan berbagai-bagai modal dan sebagainya maka perkara ini patut jugalah diambil sebagai salah satu daripada menjaga moral dalam Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.57 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat dari Kangar telah menyatakan bahawa sekali lagi pihak DAP telah cuba menentang satu Rang Undang-undang Pindaan yang ada pandangan beliau ada baik dan elok. Mungkin Wakil dari Kangar tidak cukup faham dengan isi kandungan ucapan dari sahabat saya iaitu wakil dari Petaling.

Saya suka menegaskan di sini bahawa tujuan pihak kami ialah bukan untuk menentang oleh sebab kita hendak menentang.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan.

Tuan Lee Lam Thye: Saya tak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: (Kepada Y.B. Tuan Shaari bin Jusoh) Di bawah Peraturan Mesyuarat 37 (b).

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menegaskan di sini bahawa apa yang telah diutarakan oleh Wakil dari Petaling ialah untuk menghujahkan kelemahan Akta yang ada sekarang dan apa yang patut dibuat untuk memperbaiki keadaan sekarang dengan tujuan memajukan lagi iklim pelaburan di negara kita.

Saya tidak bercadang untuk membazirkan masa Dewan ini dengan mengulangi hujah-hujah yang telah diberi oleh sahabat saya dari

Petaling, tetapi izinkan saya mengatakan di sini bahawa sejak Akta Penyelarasan Perindustrian dibentang dan diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1975, kali ini ialah kali kedua Akta ini dipinda. Pada bulan Mac 1977, Parlimen ini telah meluluskan beberapa pindaan dan di dalam perbahasan pada ketika itu, saya telah melahirkan rasa hampaan saya terhadap pindaan-pindaan itu.

Untuk maklumat Dewan ini, apabila Akta Penyelarasan Perindustrian, ialah Akta asal, dibentang di Parlimen pada tahun 1975, pihak kami telah menentang dengan kerasnya Akta itu kerana pada ketika itu, kami menyedari dan diyakinkan bahawa Akta itu menimbulkan terlalu banyak syak wasangka dan ketakutan di kalangan sektor swasta dan tidak dapat memajukan iklim pelaburan di negara kita. Di samping itu, pihak kami berasa Akta itu juga memberi terlalu banyak kuasa kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang bertanggungjawab yang boleh disalahgunakan dengan mudah sahaja dengan alasan untuk memastikan satu perkembangan teratur perindustrian di dalam negara kita.

Kami telah dibuktikan betul kerana sejak pengenalan dan pelaksanaan Akta itu, terlalu banyak syak wasangka dan kebimbangan dan juga ketakutan telah timbul di kalangan sektor swasta; dan syak wasangka dan ketakutan ini telah mengakibatkan kemerosotan pelaburan asing dan tempatan dalam negara kita.

Sejak pengenalan Akta ini, kami telah sentiasa mengingatkan bahawa Akta ini, dalam bentuk asalnya, akan menghalang semua pelaburan di Malaysia. Kami juga sentiasa menekankan bahawa sehingga dan selagi Akta ini dibatal atau sekurang-kurangnya disusun semula asasnya pelabur-pelabur tidak akan mahu melabur di negara kita.

Ketakutan asas di kalangan sektor swasta adalah kerana dan salah satu sebabnya ialah kuasa-kuasa budibicara atau "discretion" yang luas yang diberikan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan menurut Akta ini akan menjadikan beliau sebagai seorang "hakim, juri dan pelaksana" dalam semua hal-hal mengenai perindustrian.

Pada satu peringkat, kami gembira melihat bahawa Kerajaan sendiri, telah dengan terusterang mengaku bahawa ada beberapa

kesilapan dalam Akta ini dan pihak Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk meminda Akta ini untuk mengembalikannya kepercayaan dan keyakinan sektor swasta terhadap pelaburan dalam negara ini.

Kami sentiasa diberitahu bahawa Kerajaan akan membuat pindaan-pindaan yang sesuai dan "flexible" kepada Akta ini supaya membantu menghapuskan ketakutan dan syak wasangka di kalangan sektor swasta.

Seluruh negara, khususnya sektor swasta, menunggu dengan penuh harapan janji-janji Kerajaan bahawa Akta ini akan disusun semula atau dipinda pada dasarnya supaya membolehkan sektor swasta memainkan satu peranan aktif dalam pembangunan negara ini tanpa sebarang ketakutan atau syak wasangka. Tetapi selepas kelulusan pindaan-pindaan pada bulan Mac 1977 keadaan tidak berubah dan iklim pelaburan di negara kita terus menderita.

Pada hari ini, satu pindaan lagi dibentangkan di Dewan ini yang bertujuan untuk menubuhkan satu Majlis Penasihat Perindustrian yang tugasnya ialah untuk menasihati Yang Berhormat Menteri atas perkara-perkara berkenaan dengan Akta ini. Nampaknya, pihak Kerajaan telah menerima pandangan-pandangan daripada pihak swasta mengenai penubuhan satu Majlis Penasihat, tetapi ianya tidak dapat dinafikan bahawa Majlis ini merupakan satu badan penasihat sahaja dan Yang Berhormat Menteri tidak haruslah dan diwajibkan mendengar dan menerima pandangan-pandangan daripada pihak swasta.

Apa yang sangat mendukacitakan pihak kami ialah kami melihat bahawa satu desakan daripada pihak swasta supaya mengadakan satu Lembaga Rayuan Bebas atau dalam bahasa Inggeris "Independent Appeals Board" tidak diterima dan tidak dilulus oleh pihak Kementerian. Oleh sebab ini tidak ada peruntukan untuk ke Lembaga Rayuan Bebas di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, selepas mengkaji pindaan-pindaan ini juga, saya berasa bahawa semua pindaan ini merupakan indah rupa dari khabar atau dalam bahasa Inggeris sebagai "window dressing" dan langsung tidak mengubah dasar Kerajaan ataupun konsep Akta Penyelarasan Perindustrian sebagai yang telah dihujahkan oleh wakil dari Petaling.

Pindaan-pindaan tersebut juga tidak mengubah asas Akta tersebut.

Pindaan-pindaan ini tidak dapat menyakinkan orang ramai khususnya pihak swasta bahawa ada tidak benar tujuannya Akta Penyelarasan Perindustrian ialah menceroob hak-hak pemilik dalam sektor swasta, dan mengganggu hak-hak pemilik dan pengawalan satu syarikat termasuk hak pengurusan dalam pengambilan atau pembuangan ataupun perlantikan pendedar-pendedar sendiri. Tindakan untuk mengurangkan hak-hak pemilik dan pengawalan merupakan satu pencerobohan yang mempengaruhi pembangunan sektor swasta di negara kita.

Terdapat suatu kekurangan di dalam pelaburan swasta dalam negeri sebanyak 38% atau M\$6.22 billion, iaitu dari M\$16.46 billion kepada hanya M\$10.24 billion. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dari jumlah matlamat sebanyak M\$22.9 billion dalam kadar syarat benar, M\$13.7 billion atau lebih kurang 60% sepatutnya datang dari pihak swasta. Ada beberapa fakta-fakta yang menyumbang kepada kekurangan ini, dan ini termasuk salah satu sebabnya ialah oleh sebab wujudnya Akta Penyelarasan Perindustrian.

Negara kita memerlukan undang-undang untuk menyelaras sesuatu industri akan tetapi semangat Akta Penyelarasan Perindustrian bukanlah untuk penyelarasan yang sebenar, tetapi Akta tersebut merupakan satu pencerobohan hak-hak pemilik dan pengawalan pihak swasta dalam konteks yang disebutkan oleh saya dan juga wakil dari Petaling tadi.

Selagi Kerajaan tidak membatalkan Akta itu, pindaan-pindaan ini tidak dapat mengatasi masalah-masalah asas (basic problems) yang dialami oleh pihak swasta. Bolehkah penubuhan Majlis Penasihat Perindustrian ini dapat menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing atau membantu pelabur-pelabur tempatan untuk mengadakan tambahan kepada industri mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kepada soal ini saya berasa ini masih belum dapat ditentukan lagi tetapi saya percaya bahawa ianya tidak dapat memberi apa-apa kesan terhadap iklim pelaburan swasta di negara kita. Apa yang

kami hendak mencadangkan di sini ialah bukanlah untuk menghapuskan Akta ini tetapi kami berasa dan menganggap bahawa Akta dalam rupa bentuk yang ada sekarang patut dibatal dan digantikan oleh satu Rang Undang-undang yang lain yang lebih sesuatu yang lebih wajar yang dapat diambil perhatian kehendak-kehendak aspirasi-aspirasi dan kepentingan yang sah dari sebuah golongan perindustrian di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

6.07 ptg.

Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyokong di atas Rang Undang-undang berhubung dengan pindaan ke atas Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975.

Saya yakin dengan pindaan ini sekurangnya dapat menghapuskan keraguan ataupun syak wasangka yang wujud di kalangan pengilang-pengilang ataupun pihak-pihak pelabur-pelabur asing dan tempatan terhadap sikap Kerajaan kita yang berusaha untuk menarik lebih banyak pelabur di dalam negara ini dan di samping itu tidak melepaskan perkembangan perindustrian dan perkilangan ini kepada sektor swasta semata-mata tanpa pengawalan daripada pihak Kerajaan.

Kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang telah dengan rasa senang hati menerima beberapa cadangan-cadangan yang telahpun dikemukakan oleh pihak pengilang-pengilang, pelabur-pelabur asing dan tempatan tentang apa yang mereka katakan halangan-halangan yang wujud dalam soal pelaburan dalam negara ini dengan sebab diluluskan Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 ini.

Saya yakin dengan perubahan yang baru dan sikap yang adil oleh Kerajaan pada hari ini menunjukkan bahawa kita memang benar-benar yakin bahawa segala apa yang dilakukan oleh pelabur-pelabur tempatan dan juga pengilang-pengilang tempatan dan luar negeri adalah memberikan makna yang lebih dalam soal menentukan supaya taraf, tingkat perkembangan ekonomi negara ini akan dapat berkembang dengan lebih pesat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya sentuh di sini ialah berhubung dengan penubuhan Majlis Penasihat Perindustrian sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal 7 Akta pindaan ini. Saya yakin dengan penubuhan Majlis ini nanti akan memberikan satu tempat ataupun forum yang amat berguna terutama kepada pihak pelabur-pelabur asing dan tempatan dan memahami dengan sebenarnya bahawa melalui penubuhan Majlis Penasihat Perindustrian ini segala masalah yang pokok yang dianggap dahulunya sebagai halangan terhadap usaha untuk melabur dalam negara ini akan dapat diatasi dengan cara nasihat yang mungkin lebih berkesan yang dapat diberikan melalui penubuhan Majlis Penasihat ini.

Sebagaimana yang kita ketahui semenjak Akta Penyelarasan Perindustrian ini diluluskan oleh Parlimen dalam tahun 1975 memang wujud keraguan di kalangan pelabur asing dan juga di kalangan pengilang tempatan yang mengatakan sebab wujudnya Akta Penyelarasan Perindustrian ini Kerajaan sudah campurtangan ataupun mengambil bahagian yang aktif di dalam hal-hal yang berkaitan dengan soal pelaburan yang dijalankan oleh sektor swasta. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab dan yang mempunyai tugas dan mandat yang diberikan oleh rakyat untuk melaksanakan skim-skim dan dasar-dasar yang dibentuk di bawah Dasar Ekonomi Baru, saya percaya usaha Kerajaan ini adalah suatu usaha yang selaras dengan kehendak itu. Kita tidak mahu melihat perkembangan perindustrian dan perkilangan di dalam negara ini dibolot oleh kaum kapitalis, kaum monopolis yang hanya semata-mata menjalankan usaha perdagangan mereka untuk menimba kekayaan bagi syarikat-syarikat mereka, kemudian dihantar kekayaan ke luar negeri, umpamanya ataupun semata-mata untuk mendapat faedah maksima dengan tidak memikirkan tentang matlamat Kerajaan yang sebenarnya. Kita sedar setakat ini khasnya di dalam bidang pelaburan, perkilangan dan perindustrian, penyertaan kaum bumiputra di dalam bidang itu amatlah terbatas sekali, bahkan kalau dapat kita perhatikan daripada statistik yang boleh dikemukakan oleh pihak Kerajaan adalah terlalu amat sedikit sekali pelaburan-pelaburan, bahkan bukan sahaja pelaburan, peluang-peluang untuk menyertai dalam bidang perkilangan ini. Jadi, saya

percaya hasrat ini disedari oleh Kerajaan dan hakikat ini difahami oleh Kerajaan yang bertanggungjawab pada hari ini dan oleh sebab itu adalah wajar sekali Akta ini dilaksanakan.

Di dalam Akta Penyelarasan Perindustrian ini, apa yang selalu diungkit-ungkitkan oleh pihak yang ingin melabur di dalam negara ini ialah tentang terlalu ketatnya peruntukan-peruntukan yang dibuat oleh Kerajaan melalui seksyen-seksyen yang tersebut, terutama tentang mengenakan penyertaan ekuiti ataupun penyertaan di dalam soal pengurusan syarikat-syarikat perkilangan yang ditubuhkan, dan ada juga pihak-pihak yang sentiasa menggunakan issue ini terutama daripada pihak parti Pembangkang yang menekankan bahawa dengan sebab itu iklim pelaburan kita sudah tercemar dan berkurangan sekali penyertaan sektor swasta di dalam kegiatan ekonomi negara kita. Saya anggap tuduhan itu adalah mungkin tidak benar dan Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin akan dapat menerangkan bahawa semenjak akta ini dijalankan sebenarnya hakikatnya adalah sebaliknya. Kita dapat melihat dari segi lawatan penggalakan pelaburan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Perdagangan dan Perindustrian, pihak pelabur asing sudah memahami akan hasrat Kerajaan dan di mana forum dan seminar luar negeri diadakan nampaknya sambutan amatlah menggalakkan. Inilah satu hakikat yang jelas dan nyata menegaskan bahawa di dalam usaha-usaha kita untuk menggalakkan perkembangan ekonomi, terutama sekali dalam bidang perindustrian, maka hasrat sebahagian besar rakyat negara ini tidak boleh kita ketepikan. Penyertaan bumiputra di dalam bidang perkilangan sebagaimana yang saya maklumkan tadi amatlah kecil sekali dan sekiranya ini tidak difahami oleh sektor swasta, terutama sekali pelabur asing dan tempatan, kita khawatir nanti perkembangan yang tidak sihat berlaku dalam sektor perkilangan dan sekiranya ini berlaku kita tidak yakin bahawa keadaan ekonomi negara kita akan terus dapat dikekalkan sebagaimana sekarang. Bahkan kita rasa khawatir sekiranya tidak diperbetulkan soal penyertaan bumiputra dalam sektor ini, maka soal perkembangan ekonomi, khasnya matlamat

yang kita harapkan di bawah Dasar Ekonomi Baru tidak mungkin dapat tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, adalah wajar sekali bahkan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang telah membentang dan menunjukkan hasrat penubuhan satu Majlis Penasihat Perindustrian untuk menerima pandangan-pandangan yang berguna daripada sektor pengilang dan di dalam perwakilan ahli-ahli yang akan dilantik nanti kita lihat dengan jelas bahawa semua pihak yang terlibat dalam soal menggalakkan perkembangan perindustrian di dalam negara kita ada perwakilannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi berhubung dengan pindaan di atas Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian ini ialah di dalam Fasal 6 yang menerangkan bahawa (*Dengan izin*):

Amendment 6. The principal Act is amended of section 10 by substituting for section 10 the following section 10—

<p>“Returns or other information to be furnished on being required so to do by notice in writing.</p>	<p>10. (1) The licensing officer may by notice in writing require any manufacturer to furnish him or the Department of Statistics or both, within such time as may be specified in the notice, with returns or other information pertaining to any manufacturing activity of the manufacturer but the manufacturer shall not be required to furnish information which would disclose any secret manufacturing process or other trade secret.”</p>
---	---

Saya percaya ini adalah satu usaha yang baik sebab kita tidak dapat mengawasi dan mengetahui akan perkembangan sesebuah kilang ataupun sektor perkilangan itu sekiranya pihak Kerajaan melalui pegawai pelesen dan juga Jabatan Statistik tidak diberikan maklumat berhubung dengan segala kegiatan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat atau kilang-kilang tersebut.

Peruntukan ini adalah perlu sebab melalui butir-butir dan statistik yang akan dikemukakan oleh pihak pengilang-pengilang maka Kerajaan akan dapat menilai sejauh mana dasar-dasar yang telahpun ditentukan itu telahpun dapat dilaksanakan oleh pengeluar ataupun pengilang. Cuma saya berasa musykil ataupun berasa belum begitu puas hati sama ada pihak pengilang akan dapat memberi sambutan yang sepatutnya untuk memberikan butir-butir yang mustahak berhubung dengan kegiatan-kegiatan mereka. Saya percaya khasnya berhubung dengan perenggan ini mestilah dikenakan satu peruntukan, dan saya percaya di sini pun ada diperuntukkan di mana sekiranya seseorang pengilang itu tidak memberikan butir-butir yang diperlukan mengikut syarat-syarat yang terkandung dalam borang-borang tertentu yang akan dikeluarkan oleh pegawai pelesen dan juga Jabatan Statistik, maka syarikat-syarikat ataupun kilang yang berkenaan itu boleh diambil tindakan mengikut undang-undang. Ini saya faham mengikut Fasal 6 (2) di sini ada disebutkan peruntukan-peruntukan sekiranya mereka itu melanggar kehendak-kehendak yang termaktub di dalam pindaan Rang Undang-undang ini. Saya percaya peruntukan ini tidaklah merupakan satu peruntukan yang menghalang perkembangan sesebuah kilang ataupun industri, bahkan sekiranya seseorang manufacturer, pengusaha ataupun pengilang itu bersikap jujur dan faham di atas hasrat dan cita-cita Kerajaan dan telahpun melaksanakan segala apa yang dikehendaki khasnya mengikut matlamat Dasar Ekonomi Baru, maka mereka tidak perlu berasa takut dan bimbang.

Apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi yang mengatakan dengan adanya Akta Penyelarasan Perindustrian ini telah menimbulkan ketakutan dan keraguan di kalangan pengilang-pengilang adalah satu tuduhan yang, saya percaya, kurang tepat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan peruntukan bagi mengadakan Licensing Officer ini, saya percaya ini dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya tetapi perlulah diadakan penyelarasan untuk mendapatkan maklumat ini melalui Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri yang telahpun diberikan tugas dan tanggungjawab di

peringkat Negeri-negeri untuk menentukan usaha-usaha pengilangan dan penyertaan bumiputra di dalam bidang perkilangan ini mengikut dasar yang ditentukan oleh Kerajaan.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja dalam soal ekuiti ataupun dalam soal penyertaan saham daripada bumiputra amat sedikit sekali dalam sektor perkilangan ini bahkan lebih buruk lagi kalau dapat kita kaji tentang penyertaan aktif bumiputra di dalam bidang pengurusan dan juga dalam bidang-bidang pekerjaan yang diperuntukkan di bawah kilang-kilang ataupun syarikat-syarikat yang telah ditubuhkan. Kalau kita dapat mengkaji dengan teliti dapatlah kita fahami bahawa walaupun sebenarnya tidak ada dasar ataupun peraturan yang tertentu memestikan di peringkat-peringkat tertentu mesti diambil bumiputra untuk bertugas di dalam semua bidang tetapi adalah perlu difahami oleh pihak pengilang-pengilang dan juga oleh pihak syarikat-syarikat pengeluaran yang ada di dalam negara ini tentang hasrat kita untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Kita faham di beberapa syarikat-syarikat yang ditubuhkan banyak yang belum dapat memberikan peluang yang seluas-luasnya kepada kaum bumiputra yang berpengalaman dan berkebolehan untuk memegang jawatan-jawatan yang penting di dalam kilang-kilang dan syarikat-syarikat yang ditubuhkan. Oleh yang demikian, adalah perlu sekali difahami oleh pihak pengilang-pengilang dan pengusaha-pengusaha tempatan tentang hasrat Kerajaan dan memberikan peluang yang seluas-luasnya kepada kaum Bumiputra yang berpengalaman dan berpendidikan untuk menyertai di dalam kegiatan-kegiatan pengilangan.

Satu aspek lagi di dalam usaha ini, ialah soal pengalihan teknologi (the transfer of technology) daripada pengilang-pengilang kepada golongan-golongan yang patut dialihkan teknologi ini, maksud saya khasnya di kalangan bumiputra. Kita menyedari hakikat bahawa kita sudah ketinggalan begitu jauh dalam soal-soal pembangunan pengilangan lebih-lebih lagi soal-soal yang berkaitan dengan kemajuan teknologi moden. Di dalam hal ini, saya percaya masih banyak

lagi syarikat-syarikat yang belum dapat menyahut seruan Kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak lagi pengusaha-pengusaha tempatan menerima pengalaman dan mengalihkan pengalaman teknologi moden mereka kepada kumpulan-kumpulan pengusaha-pengusaha tempatan terutama bumiputra dan sekiranya ini tidak dapat dilaksanakan, kita khuatir matlamat sebenar Kerajaan di bawah semangat Akta Penyelarasan Perindustrian ini tidak dapat dijalankan. Adalah perlu sekali melalui Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk diawasi perkara ini dan diadakan satu peraturan yang tertentu dan juga satu skim galakan yang tertentu untuk membolehkan teknologi ini dialihkan kepada kumpulan-kumpulan pengusaha-pengusaha tempatan, lebih-lebih lagi kepada kaum bumiputra yang terlibat di dalam sektor perkilangan. Sekiranya ini dapat dilaksanakan, kita akan melihat mungkin dalam masa lima ataupun sepuluh tahun akan datang bahawa sebahagian besar daripada kilang-kilang di negara ini sudah pun mengalihkan teknologinya kepada pengusaha-pengusaha tempatan terutama bumiputra.

Di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah perlu sekali peranan yang harus dimainkan oleh sektor swasta untuk menentukan matlamat itu dapat dicapai.

Cuma satu bahagian lagi, Tuan Yang di-Pertua dalam soal memberikan insentif kepada kilang-kilang. Mengikut apa yang diperuntukkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian ditentukan supaya sekurang-kurangnya 30% ekuiti di dalam syarikat-syarikat pengilangan ini diberikan ataupun hendaklah mempunyai ekuiti daripada pihak bumiputra. Tetapi di samping itu, saya yakin ada kilang-kilang yang telah memahami dasar itu telahpun memberikan peruntukan ekuiti yang lebih besar dan sekiranya ini berlaku, saya percaya soalnya Kerajaan boleh memberikan satu galakan dari segi mungkin taraf perintis ataupun berkaitan dengan soal cukai yang dikenakan kepada syarikat menentukan sekiranya sesebuah kilang itu diberikan ekuiti dan juga soal pengurusan 50% ataupun ke atas kepada pihak pengurusan tempatan terutama bumiputra maka skim-skim dan juga usaha-usaha mengadakan taraf perintis yang lebih baik hendaklah diberikan kepada kilang-kilang tersebut. Dengan cara ini mungkin

usaha ini akan memberikan galakan dan juga akan memberikan faedah yang lebih kepada pengusaha-pengusaha tempatan terutama bumiputra untuk lebih bergiat dalam bidang perkilangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang di-perkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi yang menganggap bahawa beliau masih belum puas hati dan takut serta khuatir bahawa Industrial Advisory Council akan hanya menjadi satu rubber stamp, dan Yang Berhormat Menteri masih mempunyai kuasa mutlak untuk meluluskan ataupun untuk menolak segala permohonan-permohonan berhubung dengan satu permohonan lesen yang mereka buat. Tetapi saya inginlah menarik perhatian Majlis ini tentang adanya peruntukan di sini di mana seseorang pengusaha sesebuah kilang dan sebagainya diberikan peluang untuk didengar ataupun the opportunity to be heard tentang mengapa sesuatu permohonan mereka itu ditolak ataupun apakah sebabnya lesen-lesen kilang mereka digantung dan mereka juga diberi di bawah peruntukan undang-undang ini tempoh yang tertentu untuk membuat rayuan.

Saya yakin ini adalah satu peruntukan yang amat wajar dan tidak lari daripada semangat demokrasi kita yang memberi peluang seluas-luasnya kepada mana-mana pihak yang terlibat untuk membuat rayuan kepada pihak Yang Berhormat Menteri. Tetapi saya ingin caution memberi serba-serbi kata-kata pengingat supaya tidaklah sekiranya sesuatu permohonan itu sudah ditolak ataupun sesebuah lesen itu sudah digantung dan dengan sebab peruntukan Seksyen 8 dalam Rang Undang-undang ini memberi dan membolehkan pengilang itu membuat rayuan maka rayuan itu sudah tentu akan diluluskan.

Apa yang saya maksudkan di sini ialah walaupun peruntukan ini diadakan tidaklah semestinya dengan rayuan-rayuan yang dikemukakan itu akan dapat diberikan kelulusan bahkan saya yakin sekiranya kuasa itu diberikan kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian maka beliau akan memberi pertimbangan yang sewajar-wajarnya supaya keputusan asal tidaklah jauh larinya daripada apa yang dikehendaki di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat suka hendak sambung lagi pada hari esok?

Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yasin: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan menyokong di atas pindaan Rang Undang-undang Akta Penyelarasan Perindustrian.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong

UCAPAN PENANGGUHAN

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya tidak berjaya membuat ucapan penangguhan ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang daripada 26 Ahli hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, 22hb Jun, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.32 petang.